# BAB 4

## ANALISIS PEMBENTUKAN POLA KATA KERJA BAHASA ARAB

### 4.0 PENDAHULUAN

Bab ini menganalisis pembentukan kata kerja dalam bahasa Arab . Tumpuan analisis adalah penghuraian kepada analisis kata kerja *mujarrad* ( مُجَرَّدٌ ) dan subggolongannya , analisis kata kerja *mazīd* ( مَزِيْدٌ ) dan subgolonagnnya , analisis kata kerja aktif dan pasif . Penghuraian analisis ini berdasarkan sistem kala dan berpandukan kepada pengkelasian kod wazan dan kod JK kata kerja. Melalui analisis ini, proses-proses pembentukan kata kerja yang melibatkan aspek-aspek morfofonologi seperti pengguguran, pengimbuhan, pengalihan, penukaran, penyerapan dan penyuraian turut dihuraikan. Dalam bab ini juga pengkaji akan memberi perhatian kepada aspek makna leksikel di luar rujukan nahu yang terdapat dalam kata kerja secara sepintas lalu.

### 4.1 ANALISIS KATA KERJA *MUJARRAD*

Dalam bahasa Arab terdapat dua jenis kata kerja *mujarrad* iaitu kata kerja *thulāthiy mujarrad* (ثُلاَثِي مُجَرَّد ) dan kata kerja *rubā'iy mujarrad* ( رُبَاعِي مُجَرَّد ) ( Ibn Jinniy 1954 : 18 ). Analisis di bawah dinyatakan secara terperinci subgolongan- subgolongan tiap-tiap satunya berdasarkan sistem kala dan kod JK kata kerja .

### 4.1.1 Analisis Wazan Kata kerja *Thulāthiy Mujarrad* bagi Kala lepas

Wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* adalah *samā'iy* daripada penggunaan penutur jati bahasa Arab bukannya dibentuk melalui analogi dan kaedah-kaedah tertentu yang dinamakan *qiyās* (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 27 ) . Justeru, pakar-pakar dan penyelidik bahasa mengambil pendirian sentiasa merujuk kepada penutur asli bahasa Arab dalam membuat sesuatu peraturan berkaitan pembentukan wazan dan makna kata kerja *thulāthiy mujarrad*.

Pakar-pakar bahasa Arab telah berjaya mengkelaskan hampir kesemua kata kerja *thulāthiy mujarrad* yang digunakan oleh penutur jati Arab dalam bahasa standard mereka kepada tiga bentuk wazan *'aṣliy* sahaja iaitu فَعَلَ < *fa –‘a – la* > , فَعِلَ < *fa-‘i- la* > dan فَعُلَ < *fa-‘u-la* > ( Ṣubḥiy al-Ṣāleḥ , 1960 : 333 ) .

Ibrāhīm Anīs ( 1973 : 169 ) dalam kajiannya mendapati *wazan* فَعَلَ < *fa – ‘a – la* > menduduki kekerapan yang paling tinggi diikuti wazan فَعِلَ < *fa-‘i- la* > . Kedua-dua wazan tersebut digunakan oleh penutur jati Arab untuk merujuk kepada kata kerja *muta‘ddī* ( transitif ) dan kata kerja *lāzim* ( tak transitif ) . Manakala *wazan* فَعُلَ < *fa-‘u-la* > pula menduduki kekerapan yang paling rendah dan digunakan secara terbatas kepada kata kerja *lāzim* sahaja ( Riḍa’uddin , 1982 : 167 ) seperti contoh-contoh berikut :

| < *fa –‘a –la* > | | < *fa-‘i- la* > | | < *fa-‘u-la* > | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. ضَـرَبَ | // *ḍaraba* // | شَـرِبَ | // *sharaba* // | كَـرُمَ | // *karuma* // |
| 2. جَـمَـعَ | // *jama’a* // | عَـلِـمَ | // *‘alima* // | حَـسُنَ | // *ḥasuna* // |
| 3. وَصَـلَ | // *waṣala* // | حَـذِرَ | // *hazira* // | حَـلُـمَ | // *halima* // |
| 4. عَـرَفَ | // *‘arafa* // | نَـسِـيَ | // *nasiya* // | عَـظُـمَ | // *‘aẓuma* // |

### 4.1.2 Analisis Wazan Kata kerja *Thulāthiy Mujarrad* bagi kala kini

Bahasa Arab adalah satu bahasa yang mementingkan sistem kala iaitu masa atau ketika sesuatu perbuatan dilakukan . Kata kerja yang menunjukkan perbuatan pada masa sekarang mempunyai bentuk berbeza dari segi morfologi dengan kata kerja yang menunjukkan perbuatan pada masa yang sudah lalu. Namun proses pembentukan kata kerja mengikut kala dalam bahasa Arab mempunyai hubung kait antara satu dengan yang lain. Pembentukan kata kerja kala kini merupakan rentetan dan kesinambungan daripada pembentukan kata kerja kala lepas ( ’Ibrāhīm ’Anīs , 1973 : 168 ) . Secara urutannya , kata kerja perintah diambil daripada kata kerja kala kini , kata kerja kala kini diambil daripada kata kerja kala lampau dan kata kerja kala lepas diambil daripada *maṣdar* ( Muṣṭafā al-Ghalāyīniy , 1980 : 213 )

Oleh kerana pembentukan wazan kata kerja kala kini tertakluk kepada kata kerja kala lepas , maka pakar-pakar dan penyelidik bahasa Arab telah merumuskan bahawa wazan kata kerja kala kini boleh dibahagikan kepada enam subsistem yang berkait rapat dan mempunyai hubungan yang erat dengan kata kerja *thulāthiy mujarrad* bagi kala lepas ( al-Ḥamalāwiy , 1995 : 46 ) .

Pola kata kerja kala kini berdasarkan kewujudan wazan kata kerja kala lepas tergolong dalam enam fasal berikut seperti dalan jadual berikut :

Jadual 4.1 : Pembahagian wazan kata kerja kala kini mengikut fasal

| Bil | KK kala lepas | KK kala kini | Fungsi |
|---|---|---|---|
| 1 | فَعَلَ<br>< *fa –'a – la* > | 1. يَفْعُلُ < *yaf-'u-lu* ><br>2. يَفْعِلُ < *yaf-'i-lu* ><br>3. يَفْعَلُ < *yaf-'a-lu* > | 1. *Muta'addī*<br>2. *Lāzim* |
| 2 | فَعِلَ<br>< *fa- 'i- la* > | *1.* يَفْعَلُ < *yaf-'a-lu* ><br>2. يَفْعِلُ < *yaf-'i-lu* > | 1. *Muta'addī*<br>2. *Lāzim* |
| 3 | فَعُلَ<br>< *fa-'u-la* > | يَفْعُلُ < *yaf-'u-lu* > | *Lāzim* |

Penentuan bentuk wazan kala kini berdasarkan fasal-fasal dalam jadual 4.1 di atas , adalah merujuk kepada peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh penutur – penutur jati bahasa Arab secara *samā’iy* dan kebanyakannya mempunyai fungsi morfologi dan peranan nahu masing-masing ( ’Ibrāhīm ’Anīs , 1973 : 168 ). Dalam hubungan ini , Khadījah al-Ḥadīthiy ( 1965 : 381 ) dalam kajiannya telah membuat analisis secara terperinci mengenai tugas dan peranan wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* bagi kala kini seperti berikut :

( 1 )

**W 1** **فَعَلَ < *fa-‘a- la* >** **===** **يَفْعَلُ < *yaf- ‘a -lu*** >

Wazan kata kerja kala kini يَفْعَلُ < *yaf- ‘a -lu* > dalam fasal ini terbatas kepada huruf sisipan dan akhiran pada kata akar yang terdiri daripada huruf *halq* iaitu *hamzah , ḥā’ khā’, ‘ain , ghīn , ha’* ( al-Ḥamalāwiy , 1995 **:** 47 **) .** Makna-makna yang dibawa adalah seperti berikut :

Jadual 4.2 : Kekerapan makna yang dibawa oleh wazan W 1

| Kod Wazan | Makna-Makna | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| W 1 | 1. Ketakutan<br>2. Halangan & Pengusiran<br>3. Menyakiti & Permusuhan<br>4. Pemotongan & Pembukaan<br>5. Pemberian<br>6. Penjagaan & Penyimpangan<br>7. Pemergian & Penjauhan<br>8. Kebencian & Keengganan | 1. يَسْبِعُ ، يَفْزِعُ<br>2. يَمْنَعُ ، يَقْلَى<br>3. يَعَضُّ ،يَذْبَحُ<br>4. يَقْطَعُ ، يَفْتَحُ<br>5. يَهَبُ ، يَمْنَحُ<br>6. يَذْخَرُ ، يَخْبَأُ<br>7. يَذْهَبُ ، يَرْمَحُ<br>8. يَأْبَى ، يَجْحَدُ |

**( 2 )**

**W 2** **<u>فَـعَـلَ < *fa-‘a-la* ></u> === <u>يَفْعِلُ < *yaf- ‘i –lu*></u>**

Kata kerja dalam fasal ini kebanyakannya terbentuk daripada lima kod JK iaitu JKS 1 ( *ṣaḥīḥ* ) , JK 2 ( *muḍa’af lāzim* ) , JK 4 ( *mithāl* ) , JK 5-2 ( *ajwāf yā’* ) dan JK 6-3 ( *nāgiṣ yā’* ) seperti contoh dalam jadual berikut :

Jadual 4.3 : Pembahagian wazan ( W 2 ) mengikut kekerapan jenis kata kerja

| Wazan | Kod Kekerapan | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| WK 2 | JKS 1 *lāzim* | يَسْلِبُ ، يَحْبِسُ ، يَضْرِبُ ، يَرْجِعُ ، يَحْلِبُ ، |
| | JK 2 | يَضِجُّ ، يَهِبُّ ، يَخِبُّ ، يَخِفُّ ، يَقِلُّ ، يَعِفُّ ، |
| | JK 4 | يَعِدُ ، يَقِفُ ، يَثِبُ ، يَجِدُ |
| | JK 5-2 *yā'* | يَسِيْرُ ، يَبِيْعُ ، يَصِيْحُ ، يَهِيْمُ ، يَحِيْدُ ، يَجِيْء |
| | JK 6-3 *yā'* | يَرْمِي ، يَمْشِي ، يَجْرِي ، يَغْلِي ، يَمْضِي ، |

Pemakaian wazan dalam fasal ini kebiasaanya membawa makna-makna ( Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 382 ) seperti berikut :

Jadual 4.4 : Kekerapan makna yang dibawa oleh wazan W 2

| Kod Wazan | Makna-Makna | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| W 2 | 1. Menuntut & mengambil<br>2. Ketetapan<br>3. Perjalanan<br>4. Pergi & Datang<br>5. Suara<br>6. Kehausan<br>7. Pergerakan & Pergolakkan<br>8. Pemotongan<br>9. Pemberian | 1. يَصِيْدُ ، يَجْبِي<br>2. يَحْبِسُ ، يَضْرِبُ<br>3. يَمْشِي ، يَسِيْرُ<br>4. يَجِيْءُ ،يَرْجِعُ<br>5. يَصِيْحُ ،يَضِجُّ<br>6. يَهِيْمُ ،<br>7. يَهِيْجُ ، يَغْلِي<br>8. يَكْسِرُ ، يَنْزِعُ<br>9. يَمْنَحُ |

Terdapat kata kerja yang wujud dalam fasal ini tidak mengikut peraturan-peraturan makna seperti di atas seperti : يَرْوِي ( meriwayatkan ) , يَدْرِي ( mengetahui ), يَجِدُ ( mendapati ) , يَنْضِجُ ( masak ) , يَتِيْهُ ( sesat ) dan sebagainya ( Sībawayh , 1982 :.2 : .217-232).

**( 3 )**

**W 3** **<u>فَـعَـلَ</u>** **< <u>*fa-‘a- la*</u> >** **===** **<u>يَفْعُلُ</u>** **< <u>*yaf- ‘u - lu*</u> >**

Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy ( 1978 : 55 ) dalam kajiannya mendapati bahawa wazan W 3 ini kerap dipakai pada empat jenis kata kerja kod JK iaitu kata JKS 1 ( *ṣaḥīḥ )* , JK 3 ( *muta‘addī muḍa’af* ) , JK 5-1 ( *ajwāf wāw* ) dan JK 6-2 ( *nāqis wāw* ) seperti dalam jadual berikut :

Jadual 4.5 : Pembahagian wazan W 3 mengikut kekerapan jenis kata kerja

| Wazan | Kod Kekerapan | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| WK 3 | JK 1 | يَنْصُرُ ، يَكْتُبُ ، يَقْتُلُ ،يَرْقُصُ ، يَطْلُبُ ، |
| | JK 3 *muta‘addī* | يَمُدُّ ، يَدُقُّ ، يَرُدُّ |
| | JK 5-1 *wāw* | يَقُوْلُ ، يَجُوْلُ ، يَصُوْمُ ، يَصُوْتُ ، يَثُوْرُ ، |
| | JK6-2 *wāw* | يَدْعُوْ ، يَعْلُوْ ، يَرْشُوْ ،يَبْدُوْ ، يَغْزُوْ ، يَحْبُوْ |

Wazan kata kerja W 3 tersebut juga dapat dikesan berfungsi menunjukkan makna-makna ( Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 381 ) seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 4.6 : Kekerapan makna yang dibawa oleh wazan W 3

| Wazan | Makna-Makna | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| | 1. Permintaan | 1. يَطْلُبُ ، يَنْشُدُ |
| | 2. Ketenangan | 2. يَقْعُدُ ، يَثْبُتُ |
| | 3. Permusuhan | 3. يَقْتُلُ ، يَسُوْءُ |
| | 4. Pergerakan | 4. يَجُوْلُ ، يَرْقُصُ |
| | 5. Suara | 5. يَصُوْتُ ، يَدُقُّ |
| | 6. Ketinggian | 6. يَعْلُوْ ، يَسُوْدُ |
| | 7. Kelaparan & kehausan | 7. يَجُوْعُ ، يَصُوْمُ |
| W 3 | 8. Ketakutan | 8. يَجْبُنُ |
| | 9. Berhampiran & Berjauhan | 9. يَدْنُوْ، يَهْرُبُ |
| | 10. Keelokan | 10. يَنْضُرُ |
| | 11. Pengambilan & Pemberian | 11. يَرْشُوْ ، يَأْخُذُ |
| | 12. Pekerjaan | 12. يَكْتُبُ ، يَرْسُمُ |
| | 13. Pemakanan | 13. يَأْكُلُ ، يَمْضُغُ |
| | 14. Penghabisan | 14. يَفْرُغُ ، يَبْرُؤُ |

Namun begitu , masih terdapat banyak lagi kata kerja kala kini yang dapat dikesan terbentuk daripada wazan dalam fasal ini, tetapi tidak mengikut peraturan makna-makna di atas seperti : يَعْمُرُ ( membangun ) , يَقُصُّ ( mengunting ), يَزْهُوْ ( berseri ) , يَنْفُخُ ( meniup ) dan sebagainya .

( 4 )

**W 4** **<u>فَـعِـلَ < *fa-'i-la*></u>** **=== <u>يَفْعَلُ < *yaf- 'a -lu*</u> >**

Wazan kata kerja kala kini dalam fasal ini boleh hadir dalam kata kerja JKS 1 ( *ṣaḥīḥ* ) dan JKM 2 ( *mu'tal* ) ( Khadījah al-Ḥadīthiy,1965 : 384 ) seperti dalam jadual berikut :

Jadual 4.7 : Pembahagian wazan W 4 mengikut kekerapan jenis kata kerja

| Kod Wazan | Kod Kekerapan | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| W 4 | JKS 1 | يَحْبَطُ ، يَفْزَعُ ، يَقْلَقُ ، يَرْغَبُ ، يَفْرَحُ ، |
| | JKM 2 | يَوْجِعُ ، يَهْوَى ، يَطْوَى ، يَخَافُ ،يَعْمَى |

Makna-makna yang sering dibawa oleh wazan ini adalah seperti berikut ( al-Ḥilwāniy , 1978 : 56 ) **:**

Jadual 4.8 : kekerapan makna yang dibawa oleh wazan W 4

| Kod Wazan | Makna-Makna | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| W 4 | 1. Penyakit<br>2. ketakutan<br>3. Kesedihan<br>4. Pergerakan<br>5. Kesenangan<br>6. Kegembiraan<br>7. Kelaparan & kehausan<br>8. kekenyangan & Kepadatan<br>9. warna<br>10. Kekuatan & kesombongan<br>11. Ketinggian<br>12. Keaiban<br>13. Kejahilan & keilmuan<br>14. Kehairanan & kemarahan | 1. يَوْجَعُ ، يَعْمَى<br>2. يَوْجَلُ ، يَفْزَعُ<br>3. يَحْزَنُ ، يَقْلَقُ<br>4. يَنْشَطُ ، يَهْوَجُ<br>5. يَسْلَسُ ، يَشْكَسُ<br>6. يَفْرَحُ ، يَطْرَبُ<br>7. يَطْوَى ، يَظْمَأُ<br>8. يَمْلأُ ، يَبْطَنُ<br>9. يَحْمَرُ ،يَشْهَبُ<br>10. يَقْوَى ، يَكْبَرُ<br>11. يَغْنَى ، يَشْقَى<br>12. يَعْوَرُ ، يَحْمَقُ<br>13. يَجْهَلُ ، يَعْلَمُ<br>14. يَحَارُ ، يَغْضَبُ |

**( 5 )**

**W 5 <u>فَعِلَ < *fa-‘i-la*</u> > === <u>يَفْعِلُ < *yaf- ‘i -lu*</u> >**

Wazan kata kerja kala kini <u>يَفْعِلُ < *yaf- ‘i -lu*</u> > dalam fasal ini hanya terbatas kepada kata kerja dalam bentuk kod JKS 1 ( *ṣaḥīḥ* ), JK4 : 2 ( *mithāl yā’*) dan JK 4 : 1 ( *mithāl wāw* ) ( Sibawayh 1982 : 2 : 218 ) seperti dalam jadual berikut :

Jadual 4.9 : Pembahagian wazan W 5 mengikut kekerapan jenis kata kerja

| JKS 1 | JK 4 : 1 | JK 4 : 2 |
|---|---|---|
| 1. حَسِبَ - يَحْسِبُ<br>2. نَعِمَ - يَنْعِمُ | 1. وَرِمَ - يَرِمُ<br>2. وَرِعَ - يَرِعُ<br>3. وَمِقَ - يَمِقُ<br>4. وَغِرَ - يَغِرُ<br>5. وَجِدَ - يَجِدُ<br>6. وَحِرَ - يَحِرُ | 1. يَبِسَ - يَيْبِسُ<br>2. يَئِسَ - يَيْئِسُ |

**6 )**

**W 6** **<u>فَعُلَ < *fa-‘u-la*</u> > === <u>يَفْعُلُ < *yaf-‘u -lu*</u> >**

Wazan ini kerap dipakai kepada kata kerja *lāzim* pada kategori jenis kata kerja JKS 1 dan JKM 2 yang lain daripada kod JK 3 ( *muḍa’af* ) , JK 5:2 ( *ajwaf yā’* ) dan JK 6 : 3 ( *nāqiṣ* yā’ ) seperti dalam jadual berikut :

Jadual 4.10 : Pembahagian wazan W 6 mengikut kekerapan jenis kata kerja

| Kod Wazan | Kod Kekerapan | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| W 6 | JKS 1 | يَسْهُلُ, يَلْؤُمُ , يَحْسُنُ |
| | JKM 2 | يَسْرُوْ , يَوْفُرُ , يَبْهُوْ |

Makna-makna yang dibawa oleh wazan ini ( Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 385 ) seperti dalam jadual berikut :

Jadual 4.11 : Kekerapan makna yang dibawa oleh wazan W 6

| Kod Wazan | Makna-Makna | Contoh-Contoh |
|---|---|---|
| W 6 | 1. Keelokan<br>2. Keburukan<br>3. Kekecilan & Kebesaran<br>4. Keberanian<br>5. Kelembutan & Kelemahan<br>6. kelajuan & Kelambatan<br>7. Ketinggian & Kehinaan<br>8. Kecerdikan<br>9. Kejahilan | 1. يَحْسُنُ ، يَجْمُلُ<br>2. يَشْقُحُ ، يَقْبُحُ<br>3. يَصْغُرُ ، يَكْبُرُ<br>4. يَشْجُعُ ، يَجْرُؤُ<br>5. يَرْفُقُ ، يَضْعُفُ<br>6. يَسْرُعُ ، يَبْطُؤُ<br>7. يَشْرُفُ ، يَبْخُلُ<br>8. يَحْلُمُ ، يَرْزُنُ<br>9. يَحْمُقُ ، يَرْقُعُ |

### 4.1.3 Pembentukan Pola Kata kerja Kala kini

Pembentukan pola kata kerja kala kini boleh dilihat dari aspek bunyi dan ciri-ciri yang hasil daripada gabungan antara bentuk vokal dan konsonan dalam kata akar. Kata kerja kala kini yang terbentuk daripada huruf *'illah* lebih banyak mengalami reformasi pada bentuk dan hurufnya. Oleh itu , berbagai-bagai bunyi sering kedengaran pada kata kerja yang datang dari acuan *wazan* dalam fasal dan sistem yang sama.

Dalam kajian ini , pengkaji lebih suka menggunakan istilah a*lomorf* sebagai mewakili kepelbagaian bentuk yang lahir dari wazan yang sama. Menurut ilmu linguistik moden , *alomorf* didefinisikan sebagai pewujudan morfem dari segi fonologi ( Asmah Omar , 2008 : 17 ) . Untuk melihat alomorf-alomorf yang wujud dalam kata kerja kala kini , pengasingan jenis-jenis kata kerja ( JK ) amat diperlukan . Kata kerja *mu‘tal* sebagai contoh yang terdiri daripada lima jenis kod iaitu JK 4 ( *mithāl* ) , JK 5 ( *ajwaf* ) , JK 6 ( *nāqiṣ* ) , JK 7 ( *lafīf maqrūn* ) dan JK 8 ( *lafīf mafrūq* ) kerap menghasilkan bentuk-bentuk yang berbeza daripada wazan asalnya . Dari situ dapat simpulkan peraturan- peraturan fonologi dalam pembentukan alomorf bagi يَفْعَلُ < *yaf-‘a-lu* > , يَفْعِلُ < *yaf-‘i-lu* >, يَفْعُلُ < *yaf-‘u –lu* > , adalah seperti dalam jadual berikut :

#### 4.1.3.1 Alomorf يَفْعَلُ < *yaf-‘a-lu* > bagi kod wazan kata kerja W 1 dan W 4

Jadual 4.12 : Alomorf bagi lingkungan kata kerja يَفْعَلُ < *yaf-‘a-lu* >

| Kod wazan | Kod JK | Alomorf | Lingkungan | Contoh |
|---|---|---|---|---|
| W 1, W 4 | JK 3 | (i) يَفَلُّ < *ya-fallu* > | Penyerapan huruf kedua dan ketiga dari jenis yang sama pada kata akar | يَبَحُّ |
| | W1 : JK 4 – 1<br>W1 : JK 4 - 2 | (ii) يَعَلُ < *ya-‘a-lu* > | Pengguguran huruf pertama kata akar | يَضَعُ |
| | | | Huruf *wāw* pada huruf kedua ditukarkan | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | JK 5 : 1 | (iii) يَـفَـالُ<br>< *ya-fā -lu* > | kepada huruf *alīf* dan bunyi *fatḥah* huruf kedua dipindahkan kepada huruf konsonan pertama berharakah *sukūn* pada kata akar . Manakala huruf ketiga pada kata akar pula berharakah *sukūn* | يَـخَـافُ |

Jadual 4.12 di atas menunjukan bahawa wazan kata kerja kala kini bagi kod W1 dan W 4 يَفْعَلُ < *yaf-'a-lu* > mempunyai tiga alomorf yang berbeza satu sama lain iaitu يَـعَـلُ < *ya-'a-lu* > , يَـفَـلُّ < *ya-fallu* > dan يَـفَـالُ < *ya-fā-lu* > . Pewujudan alomorf – alomorf tersebut berpunca daripada kehadiran huruf '*illah* dan pertembungan huruf sejenis dalam kata akar . Jika diperhatikan pada kata kerja JK 3 يَـبْـحَـحُ didapati huruf kedua dan huruf ketiga pada kata akar daripada huruf yang sama jenis . Harakah *fatḥah* pada huruf kedua kata akar dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya dan proses penyerapan huruf berlaku bagi mewujudkan alomorf يَـفَـلُّ < *ya-fallu* > seperti يَـبَـحُّ . Mengikut peraturan morfologi , apabila huruf pertama *sukūn* dan huruf kedua berharakah , maka penyerapan dikira wajib . Sebaliknya jika huruf pertama berharakah dan huruf kedua *sukūn* , maka

penyerapan tidak diperlukan malah dianggap menyalahi kaedah morfologi seperti مَرَرْتُ ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 178 ) .

Bagi kata kerja JK 4 يَضَعُ pula , huruf pertama pada kata akar terdiri daripada huruf *wāw* iaitu يَوْضَعُ . Kemudian huruf *wāw* tersebut digugurkan ketika proses pembentukkan kata dan membentuk alomorf يَعَلُ < *ya-‘a-lu* > seperti يَضَعُ . Pengguguran huruf *wāw* kata akar pertama pada kata kerja kala kini berlaku apabila huruf kedua kata akar pada kata kerja kala lepas berharakah *fatḥah* iaitu daripada fasal W1 فَعَلَ < *fa-‘a-la* > === يَفْعَلُ < *yaf- ‘ā -lu* > . Jika kata kerja kala lepas daripada fasal W4 فَعِلَ < *fa-‘i-la*> === يَفْعَلُ < *yaf- ‘a-lu* > , maka pengguguran huruf tidak berlaku , malah huruf pertama kata akar pada kata kerja kala kini dikekal seperti wazan asalnya iaitu يَفْعَلُ < *yaf- ‘a-lu* > seperti : وَجِلَ - يَوْجَلُ ( Ibn Ṭālawayh , 2004 : 27 . dan al-Ḥilwāniy 1978 : 189 ) .

Proses pewujudan alomorf juga turut berlaku pada kata kerja JK 5 : 1 . Huruf *wāw* berharakah *fatḥah* bertempat di huruf kedua kata akar iaitu يَخْوَفُ mengalami proses fonologi dan morfologi . Huruf *wāw* berkenaan tidak digugurkan , sebaliknya diganti dengan huruf *alīf* dan harakah *fatḥah* dipindahkan kepada huruf konsonan berharakah *sukūn* sebelumnya bagi mewujudkan alomorf يَفَالُ < *ya-fā-lu* > seperti : يَخَافُ ( ’Abduh al -Rājiḥiy , 1984 : 181 )

### 4.1.3.2 Alomorf يَـفْـعِـلُ < *yaf-‘i-lu* > bagi kod wazan kata kerja kala kini W 2 dan W 5

Jadual 4.13 : Alomorf bagi lingkungan kata kerja يَفْعِلُ < *yaf-‘i-lu* >

| Kod wazan | Kod JK | Alomorf | Lingkungan | Contoh |
|---|---|---|---|---|
| W2 , W5 | JK 3 | يَـفِـلُّ < *ya-fil-lu* > | Penyerapan huruf kedua dan ketiga dari jenis yang sama pada kata akar | يَخِفُّ ، يَقِلُّ ، يَهِبُّ ، يَعِفُّ |
| | JK 4 | يَـعِـلُ < *ya-‘i-lu* > | Pengguguran huruf pertama kata akar | يَـزِنُ ، يَـقِـفُ ، يَـصِـفُ |
| | JK 5: 2 | يَـفِـعْـلُ < *ya-fi’- lu* > | Huruf ketiga pada kata akar berharakah *sukūn* | يَسِيْرُ ، يَصِيْحُ ، يَجِيْءُ ، يَبِيْعُ |
| | JK 6 : 3 | يَـفْـعِـلْ < *yaf-‘ il* > | Huruf ketiga pada kata akar berharakah *sukūn* | يَجْرِي ، يَمْشِي ، يَدْرِي ، يَغْلِي |
| | JK 8 | يَـعِـلْ < *ya’il* > | Pengguguran huruf pertama dan akhiran pada kata akar berharakah *sukūn* | يَقِيْ ، يَـلِـيْ ، يَـعِـيْ |

Analisis terhadap contoh-contoh dalam jadual ( 4:13 ) di atas , menunjukkan bahawa wazan kata kerja يَفْعِلُ < *yaf-‘i-lu* > mempunyai empat alomorf yang berbeza antara satu sama lain iaitu يَـعِـلُ < *ya-‘i- lu* > , يَـفِـلُّ < *ya-fil-lu* > , يَـفِـعْـلُ < *ya- fi’-lu* > , يَـفْـعِـلْ < *yaf-‘il* > dan يَـعِـلْ < *ya’il* > . Pewujudan alomorf –alomorf tersebut hasil daripada lingkungan huruf *‘illah* yang ditempatinya dalam kata akar . Jika diperhatikan pada kata kerja kod JK 3 , proses penyerapan berlaku antara huruf kedua dan ketiga dari yang sama jenis. Huruf kedua tersembunyi dalam huruf ketiga pada kata akar , mengakibatkan pengalihan harakah *kasraḥ* huruf kedua kepada huruf pertama kata akar dan alomorfnya ialah يَـفِـلُّ < *ya-fil-lu* > seperti يَخِفُّ ، يَقِلُّ ، يَهِبُّ ، يَعِفُّ . Penyerapan tersebut berlaku sekiranya kata kerja kala kini berkenaan tidak bergandingan dengan *ḍamīr nūn niswah* ( kata ganti nama jamak feminim ) . Jika bergandingan dengan *ḍamīr* tersebut , maka kata kerja kala kini berkenaan boleh dibentuk kepada dua iaitu , pertama mengekalkan wazan asal tanpa penyerapan seperti يَـظْـلِـلْـنَ // *yaẓlilna* //. Kedua , pengguguran huruf kedua kata akar serta mengalihkan harakahnya kepada huruf sebelumnya seperti يَـظِـلْـنَ // *yaẓilna* // . Perbezaan wazan adalah يَـفِـلْـنَ < *yafilna* > . ( al-Ḥamalāwiy , 1990 : 210 ) .

Pembentukan alomorf < *ya-‘i-lu* > seperti : يَجِدُ ، يَزِنُ ، يَصِلُ ، يَقِفُ ، يَهِبُ pada kata kerja kod JK 4 disebabkan huruf pertama pada kata akar terdiri daripada huruf *wāw* yang berharakah *sukūn* digugurkan dalam proses morfologi. Pengguguran huruf pertama kata akar pada kata kerja kala kini berlaku apabila huruf kedua kata akar pada kata kerja kala lepas berharakah *fatḥah* iaitu daripada fasal W 2 فَـعَـلَ

< <u>fa- ‘a –la</u> > = يَفْعِلُ < <u>yaf- ‘i –lu</u> > ( Maḥmūd Sulaimān Yāqūt 1994: 306 ). Jika huruf *’illah* dalam kod JK yang serupa terdiri daripada huruf *yā’* , maka huruf ’*illah* berkenaan jarang digugurkan dalam proses morfologi seperti يَيْئِسُ , يَيْسِرُ , يَيْنِعُ , يَيْبِسُ .

Pembentukan alomorf <u>يَفِعْلُ < ya- fi’-lu</u> > seperti : يَجِيْءُ ، يَصِيْحُ ، يَسِيْرُ ، يَبِيْعُ ، bagi kata kerja kod JK 5 : 2 pula adalah disebabkan huruf *yā’* yang sebelumnya berharakah *kasraḥ* dipindahkan kepada huruf konsonan sebelumnya .

Bagi kata kerja kod JK 6:3 pula , kata kerjanya masih mengekalkan wazan asalnya iaitu <u>يَفْعِلُ < yaf-‘i-lu</u> > dengan sedikit perubahan bunyi berlaku pada akhirannya iaitu vokal *wāw* berharakah *sukūn* dan membentuk alomorf <u>يَفْعِلْ < yaf-‘il</u> > seperti : يَغْلِي ، يَدْرِي ، يَمْشِي ، يَجْرِي .

Manakala proses pembentukan alomorf <u>يَعِلْ < ya’il</u> > bagi kata kerja kod JK 8 seperti يَصِي ، يَعِيْ ، يَلِيْ ، يَقِيْ adalah hasil daripada gabungan JK 4 dan JK 6 . Sistem pembentukan huruf akar pertama adalah sama dengan sistem pada kod JK 4 iaitu huruf pertama pada kata akar yang terdiri daripada huruf *wāw* berharakah *sukūn* digugurkan dalam proses morfologi yang berlaku dan huruf akhir pula adalah berharakah *sukūn* sama dengan sistem pada kod JK 6 .

#### 4.1.3.3 Alomorf يَفْعُلُ < *yaf-‘u -lu* > bagi kod wazan kata kerja kala kini W 3 dan W6

Jadual 4.14 : Alomorf bagi lingkungan kata kerja يَفْعُلُ < *yaf-‘u -lu* >

| Kod Wazan | Kod JK | Alomorf | Lingkungan | Contoh |
|---|---|---|---|---|
| W 3 dan W 6 | JK 5 : 1 | يَفُعْلُ < *yafu‘lu* > | Harakah *ḍammah* huruf kedua kata akar dipindahkan kepada huruf konsonan pertama sebelumnya | يَصُوْمُ ، يَقُوْمُ ، يَسُوْدُ ، يَعُوْدُ ، يَجُوْعُ ، يَفُوْقُ ، |
| | JK 6 : 2 | يَفْعُلْ < *yaf-‘ul* > | Huruf ketiga kata akar berharakah *sukūn* | يَدْعُوْ ، يَرْجُوْ، يَزْهُوْ ، يَنْمُوْ ، يَغْزُوْ ،يَعْلُوْ ، |

Jadual 4:14 di atas menunjukkan dua pewujudan alomorf yang terhasil daripada wazan kata kerja يَفْعُلُ < *yaf-‘u -lu* > bagi kod W 3 dan W 6 iaitu يَفُعْلُ < *ya-fu‘-lu*> dan يَفْعُلْ < *yaf-‘ul* > **.** Dari contoh –contoh yang diberikan , jelas bahawa perbezaan dua alomorf berkenaan ditentukan oleh ciri-ciri bunyi vokal *wāw* atau ciri-ciri fonologi yang ada di sekitarnya .

Pewujudan alomorf يَـفُـعْـلُ < *ya-fu‘-lu* > bagi kod JK 5:1 seperti يَصُوْمُ يَسُوْدُ ، يَعُوْدُ ، يَجُوْعُ ، يَفُوْقُ ، يَقُوْمُ disebabkan harakah *ḍammah* pada vokal *wāw* dipindahkan kepada konsonan sebelumnya ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , tt : 175 ) . Mengikut peraturan fonologi bahasa Arab , huruf ‘*illah* tidak boleh membawa sebarang harakah ( ‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa’diy , 1973 : 131 ).

Bagi kod JK6 : 2 pula , wazan asalnya iaitu يَفْعُلُ < *yaf-‘u-lu* > dikekalkan seperti biasa dengan sedikit perubahan bunyi berlaku pada akhirannya iaitu huruf *wāw* tidak bersuara membentuk alomorf يَـفْـعُـلْ < *yaf-‘ul* seperti : يَدْعُوْ ، يَرْجُوْ، يَزْهُوْ ، يَنْمُوْ ، يَغْزُوْ ،يَعْلُوْ ، يَبْدُوْ ، يَدْنُوْ ، يَمْحُوْ

### 4.1.4 Analisis Wazan Kata Kerja Perintah Bagi *Thulāthiy Mujarrad*

Kata kerja perintah pada amnya ditujukan kepada orang kedua. Ia bermaksud menyuruh atau memintanya melakukan suatu perbuatan atau tindakan . Kata kerja perintah dalam bahasa Arab terbentuk daripada kata kerja kala kini dan mempunyai bentuk wazan yang sama pada dasarnya dengan kata kerja kala kini ( Ibn Ya‘īs , t.t : 58 ). Para sarjana aliran Kufah berpendapat bahawa kata kerja perintah bukan sebahagian daripada kata kerja kala kini , sebaliknya ia adalah kata *mu’rab* yang huruf akhir berharakah *sukūn* disebabkan oleh huruf *lām* perintah di awalan yang digugurkan bagi meringgankan sebutan seperti اِذْهَـبْ daripada bentuk asalnya لِـتَـذْهَـبْ ( ’Ibrāhīm al-Sāmirā‘iy , 1986 : 48 ) .

Dari segi morfologi , pembentukan kata kerja perintah bagi *thulāthiy mujarrad* akan melibatkan sedikit perubahan kecil yang merupakan ciri – ciri perbezaan antaranya dan kata kerja kala kini . Proses pembentukannya bermula apabila huruf *muḍāri*‘ ( huruf kata kerja kala kini ) digugurkan dan huruf terakhir dijadikan berharakah *sukūn* (Muṣṭafā al-Ghalāyīniy , 1980 : 210 ) . Penambahan *hamzah wasal* di awalan mesti dilakukan sekiranya huruf pertama kata akar didapati berharakah *sukūn* setelah pengguguran huruf *muḍāri*‘ dilakukan ( Ibn Jinniy , t.t a : 497 ) . Harakah *hamzah wasal* pula bergantung kepada harakah huruf kedua sebelum akhir pada kata akar . Jika huruf berkenaan berharakah *kasrah* , atau *fatḥah* maka harakah *hamzah wasal* adalah *kasrah*. Jika huruf kedua tersebut berharakah *ḍammah* , maka harakah yang sama juga berlaku pada *hamzah wasal* . Sebaliknya , jika selepas pengguguran huruf *muḍāri*‘ didapati huruf pertama kata akar berharakah *fatḥah* , *kasrah* atau *ḍammah,* maka huruf *hamzah wasal* tidak diperlukan lagi ( Fakhruddin Qabāwah , 1988 : 92 dan ’Abdul Qāhir al-Jurjāniy m 471 H ( t.t : 54 ) seperti contoh-contoh berikut :

| | KK Kala Kini | KK Perintah | Wazan |
|---|---|---|---|
| i. | يَفْتَحُ | اِفْــــتَحْ | اِفْعَلْ < *if’al* > |
| ii. | يَجْلِسُ | اِجْلِسْ | اِفْعِلْ < *if’il* > |
| iii. | يَسْجُدُ | اُسْجُدْ | اُفْــعُلْ < *uf’ul* > |
| iv. | يَــقُــوْمُ | قُـــمْ | فُـلْ < *ful* > |

### 4.1.4.1 Perubahan Struktur Kata kerja Perintah

Struktur kata kerja perintah mengalami perubahan hasil daripada pertembungan fonologi dan morfologi. Perubahan yang berlaku melibatkan pengguguran huruf ‘*illah* dan pengguguran huruf *nūn* pada kata kerja kala kini. Pengguguran huruf-huruf berkenaan yang berkemungkinan menyebabkan bunyi lama yang akan mengalami penyesuaian akibat proses morfofonologi tersebut .

#### a) Pengguguran Huruf ‘*Illah*

Pengguguran huruf ‘*illah* terjadi apabila berada di awalan , sisipan atau akhiran kata kerja perintah . Pengguguran huruf ‘*illah* pada suatu kata akar akan mengubah struktur dan bentuk wazannya . Berikut adalah perubahan bunyi yang berlaku mengikut susunan kod JK :

a. *Mithāl* : Huruf ‘*illah* di awalan kata kerja digugurkan . Perbezaan wazan adalah عِـــلْ < *‘il* > jika kata kerja kala kininya daripada wazan يَـعِـلُ < y*a’ilu* > seperti يَزِنُ atau عَـــلْ < *‘al* > , jika kata kerja kala kininya daripada wazan يَـعَـلُ < y*a’alu* > misalnya يَضَعُ seperti contoh –contoh berikut :

| | KK Perintah | | Wazan |
|---|---|---|---|
| i | صِـلْ | // *ṣil* // | عِـلْ < *‘il* > |
| ii | قِـفْ | // *qif* // | عِـلْ < *‘il* > |
| iii | زِنْ | // *zin* // | عِـلْ < *‘il* > |
| iv | هَبْ | // *hab* // | عَـلْ < *‘al* > |
| v | ضَـعْ | // *ḍa‘* // | عَـلْ < *‘al* > |
| vi | قَـعْ | // *qa‘* // | عَـلْ < *‘al* > |

b. *Ajwaf* : Pengguguran huruf ‘*illah* di sisipan . Perbezaan wazan adalah فُـلْ < *ful* > ( wazan asal adalah فُـعْـلْ < *fu‘l* > ) dan فِـلْ < *fil* > ( wazan asal adalah فِـعْـلْ < *fi‘l* > ) . Huruf akar kedua yang berharakah *sukūn* pada kedua – dua wazan tersebut digugurkan bagi mengelakkan pertembungan dua huruf berharakah *sukūn* secara berturut-turut dalam satu perkataan ( Fakhruddin Qabāwah 1988 : 92 ) seperti contoh-contoh berikut :

| | KK Perintah | | Wazan |
|---|---|---|---|
| i | قُـمْ | // *qum* // | فُـلْ < *ful* > |
| ii | صُـمْ | // *ṣum* // | فُـلْ < *ful* > |
| iii | قُـلْ | // *qul* // | فُـلْ < *ful* > |
| iv | شِـرْ | // *shir* // | فُـلْ < *ful* > |
| v | بِـعْ | // *bi’* // | فِـلْ < *fil* > |
| vi | طِـقْ | // *ṭiq* // | فِـلْ < *fil* > |

c. *Nāqiṣ* dan *Lafīf Maqrūn*: Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran . Perbezaan wazan adalah أُفْـعُ < *’uf ‘u* > ( wazan asal adalah أُ فْـعُـلْ < *’uf’ul* > ) , إِفْـعَ < *if ‘a* > ( wazan asal adalah إ فْـعَـلْ < *if ‘al* > ) dan إِفْـعِ < *if ‘i* > ( wazan asal adalah إِفْـعِـلْ < *if‘il* > ) . Huruf ‘*illah* yang mewakili huruf *lām* pada wazan digugurkan pada kata kerja perintah sebagai tanda *sukūn* bagi kod kata kerja JK 6 dan JK 7 seperti contoh-contoh berikut :

| | KK Perintah | Wazan |
|---|---|---|
| i | أُ دْ عُ // *’ud ‘u* // | أُفْـعُ < *’uf – ‘u*> |
| ii | أُ نْـمُ // *’unmu* // | أُفْـعُ < *’uf – ‘u* > |
| iii | إِ نْـسَ // *’insa* // | إِفْـعَ < *’if – ‘a* > |
| iv | إِ قْـوَ // *’iqwa* // | إِفْـعَ < *’if – ‘a* > |
| v | إِ رْضَ // *’irḍa* // | إِفْـعَ < *’if – ‘a* > |
| vi | إِ مْشِ // *’imshi* // | إِفْـعِ < *’if – ‘ i* > |
| vii | إِ بْـكِ // *’ibki* // | إِفْـعِ < *’if – ‘ i* > |
| viii | إِ طْـوِ // *’iṭwi* // | إِفْـعِ < *’if – ‘ i* > |

d. *Lafīf Mafrūq* : Pengguguran huruf ‘*illah* di awalan dan akhiran . Perbezaan wazan adalah عِ < ‘*i* > atau عِـهْ < ‘*ih* > ( ‘Abdul Qāhir al-Jurjāniy , t.t : 79-80 ). Analogi pembentukan عِ < ‘ *i* > adalah seperti berikut :

1. فَـعَـلَ ( kata kerja kala lepas )
2. يَـفْـعِـلُ ( kata kerja kala kini )
3. فْـعِـلْ ( Pengguguran huruf yā’ )
4. عِ ( Pengguguran huruf *fā’* dan huruf *lām* ) . Penambahan huruf *hā’* imbuhan yang dinamakan *hā’ saktah* ketika dalam keadaan wakaf seperti contoh-contoh berikut :

| | KK Perintah | Wazan |
|---|---|---|
| i | قِ // *qi* // | عِ < ‘*i* > |
| ii | فِ // *fi* // | عِ < ‘*i* > |
| iii | لِ // *li* // | عِ < ‘*i* > |
| iv | زِ // *zi* // | عِ < ‘*i* > |

Proses morfofonologi yang melibatkan perubahan struktur kata juga turut berlaku pada kata kerja perintah kod JK 2 ( *Mahmuz )* apabila berlaku pertembungan dua huruf *hamzah* di awalan kata kerja . Huruf *hamzah* pertama yang berharakah *ḍammah* adalah *hamzah wasal* dan merupakan huruf imbuhan bagi wazan < *’af‘ala* > dan huruf *hamzah* kedua berharakah *sukūn* adalah kata akar dan mewakili huruf *fā’* pada wazan seperti أُأْكُـلْ // *‘u’kul* //, أُأْخُـذْ // *‘u’khuz* // dan أُأْمُـرْ // ‘*u’mur* // . Mengikut mengikut peraturan morfologi , huruf *hamzah* kedua ditukarkan kepada

huruf *wāw* kerana menyesuaikan dengan harakah *ḍammah* pada huruf *hamzah* sebelumnya seperti أُوْكُلْ //*‘ūkul* // , أُوْخُذْ < ‘*ūkuz* > dan أُوْمُرْ < ‘*ūmur* > . Namun dalam kebanyakan hal , huruf *hamzah* kata akar tersebut digugurkan sewaktu proses morfofonologi bagi meringankan sebutan , malahan pengguguran tersebut dianggap lebih fasih daripada pertukaran kepada huruf *wāw* ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmah ,1962 : 44 ). Pengguguran tersebut menyebabkan keperluan kepada *hamzah wasal* tidak diperlukan lagi . Perbezaan wazan adalah عُـلْ < *‘ul* > seperti contoh di bawah :

| | KK Perintah | | Wazan |
|---|---|---|---|
| i | خُـــذْ | // *khudh* // | عُـلْ < *‘ul* > |
| ii | كُـــلْ | // *kul* // | عُـلْ < *‘ul* > |
| iii | مُـــرْ | // *mur* // | عُـلْ < *‘ul* > |

Sungguhpun begitu , ada juga dalam keadaan tertentu , *hamzah wasal* tidak ditambah pada awalan kod kata kerja perintah JK 2 walaupun huruf pertama berharakah *sukūn* kerana ketiadaan sebab pertembungan dua huruf *hamzah*. Keadaan ini berlaku apabila kata kerja perintah tersebut berada dipertengahan ayat seperti قُلْتُ لَكَ اؤْمُرْ atau selepas partikel *wāw* atau *fā’* seperi وَ أْ مُـرْ dan فَـأْمُـرْ . Pengekalan huruf *hamzah* pada وَ أْ مُـرْ dan فَـأْمُـرْ lebih fasih daripada menggugurkannya ( Riḍa’uddin , 1982 : 50 ).

### b) Pengguguran *Nūn*

Huruf *Nūn* di akhiran kata *muthanna* dan kata *jamak* wajib digugurkan kerana penguguran tersebut menjadi lambnag kepada kata kerja perintah ( Muḥammad Ḥamāsah 1997 : 13 ) seperti contoh-contoh di bawah :

| | KK Perintah | | Wazan |
|---|---|---|---|
| i | اِجْلِسَا | // *’ijlisā* // | اِفْعِلاَ < *’if ‘ilā* > |
| ii | أُكْتُبُوْا | // *’uktubū* // | أُفْعُلُوْا <*’if ‘ulū* > |
| iii | اِسْتَغْفِرُوْا | // *’istaghfirū* // | اِسْتَفْعِلُوْا < *’istaf ‘ilū* > |

### 4.1.4 Analisis Wazan Kata Kerja *Rubā‘iy Mujarrad*

Wazan kata kerja *rubā‘iy mujarrad* terdiri daripada satu wazan sahaja iaitu W 19 فَعْلَلَ < *fa‘lala* > bagi kala lepas dan يُفَعْلِلُ < *yufa‘lilu* > bagi kala kini ( al-Ḥamalāwiy , 1995 : 54 dan Khadījah al-Ḥadīthiy, 1995 : 388 ). Namun, kekerapan wazan ini adalah tersangat rendah berbanding wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* yang lalu . Ini mungkin disebabkan bentuk struktur kata, harakah yang ada pada wazan *rubā‘iy mujarrad* terlebih sukar jika dibanding dengan wazan *thulāthiy mujarrad* .

Segelintir para sarjana Arab berpendapat , secara logiknya kesukaran tersebut diterjemahkan oleh harakah huruf kedua kata akar pada kata kerja kala lepas فَعْلَلَ < *fa‘lala* > yang dijadikan *sukūn* bagi mengelak pertembungan empat huruf yang berharakah secara berturut-turut pada satu kata . Jika dipilih huruf pertama sebagai *sukūn* , maka ia bertentangan dengan peraturan fonologi yang tidak membenarkan huruf pertama sebagai pembuka kata berharakah *sukūn* . Sebaliknya huruf ketiga pula tidak dipilih kerana mengelakkan berlaku pertembungan dua harakah sukūn berturut-turut apabila huruf terakhir berlaku proses morfofonologi ketika bersambung dengan *ḍamīr* atau berda dalam keadaan *jazm* . Pemilihan harakah *fatḥah* pada huruf pertama , ketiga dan keempat pula kerana sifatnya terlebih ringan berbanding suara *kasrah* dan *ḍammah* ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Aḍīmah 1962 : 108 ). Berdasarkan analisis yang dilakukan , kata kerja *rubā‘iy mujarrad* ini boleh dibahagikan kepada dua subjenis berikut .

### a) *Muḍa’af* ( Penggulangan Huruf )

*Muḍa’af* bermaksud huruf pertama yang mewakili huruf *fā’* pada wazan dan huruf ketiga yang mewakili huruf *lām* pertama pada wazan adalah daripada jenis yang sama . Demikian juga huruf kedua yang mewakili huruf *‘ain* dan huruf keempat yang mewakili huruf *lām* pada wazan dari jenis sama yang lain . Bentuk kata kerja dalam jenis ini terjadi dengan cara spontan ( الإرتجال ) seperti زَلْزَلَ ــــ يُزَلْزِلُ قَلْقَلَ ــــ يُقَلْقِلُ dan kadangkala dibentuk dengan cara *al-naḥt* ( النحت ) seperti دَعْدَعَ ــــ يُدَعْدِعُ ، بَأْبَأْ - يُبَأْبِئُ ( Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 309) .

### b) Tanpa *Muḍa‘af*

Tanpa *Muḍa‘af* bermaksud huruf pertama ( mewakili huruf *fā’* pada wazan) , kedua ( mewakili huruf ‘*ain’* pada wazan), ketiga ( mewakili huruf “ *lām* pertama ” pada wazan) dan keempat ( mewakili huruf “ *lām*” pada wazan) pada kata akar bukan dari jenis yang sama seperti دَحْرَجَ – يُدَحْرِجُ ، حَرْجَمَ – يُحَرْجِمُ , بَعْثَرَ – يُبَعْثِرُ . Kadangkala bentuk wazan فَعْلَلَ < *fa’lala* > jenis ini juga digunakan sebagai *al-naḥt* iaitu akronim untuk menunjukan singkatan yang dihasil dari penggabungan huruf-huruf atau suku-suku kata dalam urutan dua kata atau lebih ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmah 1962 : 389 ) seperti contoh-contoh di bawah :

1. ( بَسْمَلَ - يُبَسْمِلُ ) - kata singkatan kepada بيسم الله ,
2. ( سَبْحَلَ - يُسَبْحِلُ ) - kata singkatan kepada سُبْحَانَ اللـه ,
3. ( حَوْقَلَ - يُحَوْقِلُ ) - kata singkatan kepada لاَ حَوْلَ وَ لاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللـه العَظِيْمِ

## 4.2 ANALISIS KATA KERJA *MAZĪD* ( الأفْعَال المَزِيْدة )

Kata kerja *mazīd* dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua golongan iaitu kata kerja *mazīd thulāthiy mujarrad* dan kata kerja *mazīd rubā‘iy mujarrad* . Tiap-tiap satu dari keduanya mempunyai subgolongan dibawahnya ( Ibn Jinniy 1954 : 18 ). Analisis di bawah dinyatakan secara terperinci subgolongan – subgolongan tiap-tiap satunya berdasarkan sistem kala dan kod JK kata kerja ..

### 4.2.1 Pengimbuhan Kata kerja *Thulāthiy Mujarrad*

Kata kerja *thulāthiy mujarrad* boleh menerima tiga jenis imbuhan berikut :

1. Imbuhan satu huruf
2. Imbuhan dua huruf
3. Imbuhan tiga huruf

#### 4.2.1.1 Analisis Wazan Kata Kerja *Mazīd* Satu Huruf

Kata kerja *mazīd* satu huruf dalam bahasa Arab terdiri daripada tiga wazan , iaitu :أَفْعَلَ < *’af-‘ala* > , فَعْـعَلَ < *fa‘-‘a-la* > dan فَاعَلَ < *fā-‘ala* > . Imbuhan kata kerja dalam kumpulan ini terdiri daripada tiga bentuk ( ‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 30) berikut iaitu :

a. Awalan *Hamzah* / أ / : أَفْعَلَ < *’af-‘ala* >

b. Sisipan *‘Ain* / ع / : فَعَّلَ < *fa‘-‘a-la* >

c. Sisipan *’Alīf* / ا / : فَاعَلَ <*fÉ-‘ala* >

**( 1 )**

**W 7 Imbuhan Awalan : أَفْعَلَ < *’af-‘ala* >**

Struktur kata kerja ( W 7 ) أَفْعَلَ < *’af-‘ala* > adalah terdiri daripada gabungan dua morfem yang masing masing mendukung makna tersendiri , morfem yang dimaksudkan ialah kata akar فَعَلَ < *fa‘ala* > dan imbuhan *hamzah* di awalan ’a / أ / . Menurut peraturan morfologi , pembentukan pola kata kerja kala kini يُفْعِلُ < *yuf‘ilu* > berpandukan kepada pola kata kerja kala lepas أَفْعَلَ < *’ af-’ala* > dan pola kata kerja perintah أَفْعِلْ < *’af‘il* > berpandukan kepada pola kata kerja kala kini bukan sebaliknya ( Muṣṭafā al-Ghalāayiniy , 1980 : 214 - 215) .

Pembentukan struktur pola kata kerja أَفْعَلَ < *’ af-’ala* > dalam kategori kata kerja *ṣaḥīḥ* adalah lebih mudah dan mengikut sepenuhnya wazan timbangan dari segi harakah dan susunan huruf berbanding kata kerja *mu‘tal* . Kata kerja yang susunan hurufnya terdiri daripada huruf *‘illah* atau huruf pertama kata akarnya daripada huruf *hamzah* akan mengalami pelbagai variasi dan perubahan dalam pengucapannya mengikut kedudukan huruf *‘illah* dan JK . Sebarang variasi yang berlaku pada ketiga-tiga golongan kata kerja tersebut berpunca daripada perubahan huruf yang berlaku berdasarkan pertimbangan morfologi dan fonologi. Lihat contoh-contoh dalam jadual berikut :

**a.** **Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi Kod Wazan W 7 <u>أَفْعَلَ</u>**

**<u>< *Af-‘ala* ></u>**

Jadual 4.15 : Analisis kata kerja kala lepas bagi wazan <u>أَفْعَلَ < *af-‘ala* ></u>

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | أَدْخَلَ<br>// ’*adkhala* // | <u>أَفْعَلَ < *’af‘ala* ></u> | | Tiada |
| JK 2 | آخَذَ<br>// *ākhadha* // | | <u>آفَلَ < *āfala* ></u> | Penyerapan |
| JK 3 | أَمَدَّ<br>// *āmadda* // | | <u>أفَلَّ <*’afalla* ></u> | Penyerapan |
| JK 4 | أَوْصَلَ // aw*ṣala* // | <u>أَفْعَلَ <*’af‘ala* ></u> | | Tiada |
| JK 5 | أَقَامَ // *’aqāma* // | | <u>أَفَالَ < *’afāla* ></u> | Penukaran huruf dan pengalihan harakah |
| JK 6 | أَعْطَى // *’a‘ṭa* // | <u>أَفْعَلَ <*’af‘ala* ></u> | | Tiada |
| JK 7 | أَقْوَى //’aq*wa* // | <u>أَفْعَلَ <*’af‘ala* ></u> | | Tiada |
| JK 8 | أَوْفَى // ’aw*fa* // | <u>أَفْعَلَ <*’af‘ala* ></u> | | Tiada |

**b. Analisis Kata kerja Kala Kini Bagi Kod Wazan W 7 يُـفْـعِـلُ < *yuf'ilu* >**

Jadual 4.16: Analisis kata kerja kala kini bagi kod wazan W 7 يُـفْـعِـلُ
< *yuf'ilu* >

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يُـدْ خِـلُ<br>// *yudkhilu* // | يُـفْـعِـلُ <*yuf'ilu* > | | Tiada |
| JK 2 | يُؤْ خِـذُ<br>// *yu'khidhu* // | يُـفْـعِـلُ <*yuf'ilu* > | | Penyerapan |
| JK 3 | يُــمِـدُّ<br>// *yumiddu* // | | يُـفِـلُّ<br>< *yufillu* > | Penyerapan dan pengalihan harakah |
| JK 4 | يُــوْ صِــلُ<br>// *yūṣilu* // | يُـفْـعِـلُ <*yuf'ilu* > | | Tiada |
| JK 5 | يُـقِيْـمُ<br>// *yuqīmu* // | | يُـفِـيْـلُ<br>< *yufīlu* > | Penukaran huruf dan pengalihan harakah |
| JK 6 | يُـعْطِـي // *yu'ṭi* // | يُـفْـعِـلُ <*yuf'ilu* > | | Tiada |
| JK 7 | يُــقْـوِي // **yu***qwi* // | يُـفْـعِـلُ <*yuf'ilu* > | | Tiada |
| JK 8 | يُـوْ فِــي // *yūfi* // | يُـفْـعِـلُ <*yuf'ilu* > | | Tiada |

### c. Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 7 أَفْعِلْ < ’Af-‘il >

Jadual 4.17 : Analisis kata kerja perintah bagi kod wazan W 7 أَفْعِلْ < af-‘il >

| Kod JK | KK Perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | أَدْخِلْ // ’adkhil // | أفْعِلْ < ’af‘il > | | Tiada |
| JK 2 | آخِذْ // ’ākhidh // | | آفِلْ < āfil > | Penyerapan |
| JK 3 | أمْدِدْ/أمِدَّ //’amidda/’amdid // | أَفْعِلْ <’af‘il > | أَفِلَّ <’afilla > | Penyerapan dan pengalihan harakah |
| JK 4 | أَوْصِلْ // ’awṣil // | أفْعِلْ < ’af‘il > | | Tiada |
| JK 5 | أَقِمْ // ’aqim // | | أَفِلْ < ’afil > | Pengguguran huruf vokal sisipan dan pengalihan harakah |
| JK 6 | أَعْطِ // ’a‘ṭi // | | أَفْعِ < ’af‘i > | Pengguguran huruf vokal akhir |
| JK 7 | أَقْوِ // ’aqwi // | | أَفْعِ < ’af‘i > | Pengguguran huruf vokal akhir |

| Kod JK | KK Perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 8 | أَوْفِ // *’awfi* // | | أَفْعِ < *’af‘i* > | Pengguguran huruf vokal akhir |

Contoh –contoh dalam jadual 4.15., 4.16. dan 4.17 di atas , menunjukkan bahawa awalan *hamzah* mempunyai beberapa variasi bergantung pada huruf – huruf pada kata akar yang ditempatinya . Jika huruf pertama pada kata kerja kala lepas terdiri kod W7 : JK 2 , maka bentuk variasi yang berlaku adalah dengan cara penyerapan iaitu memasukan huruf pertama kata akar yang berharakah *sukūn* ke dalam huruf imbuhan berkenaan dengan meletakkan lambang *mad* (مـد) seperti contoh أَخَذَ + أَ = آخَذَ dalam jadual 4.15 .

Proses penyerapan turut berlaku pada kata kerja perintah disebabkan kewujudan dua huruf *hamzah* أخِذَ + أ = آخِذْ. Penyerapan tersebut tidak berlaku pada kata kerja kala kini , di mana huruf pertama kata akar dikekalkan pada sebutan dan tulisan , misalnya يُؤْخِذُ . Ini kerana huruf imbuhan *hamzah* telah digugurkan pada kala kini bagi mengelakan berlakunya pertembungan dua *hamzah* dalam satu perkataan apabila digunakan dengan *ḍamīr* diri pertama iaitu أَنَا أُؤَكْرِمُ . Pengguguran *hamzah* imbuhan tersebut turut diikuti oleh *ḍamīr* yang lain , kerana kebanyakan bangsa Arab gemar menyeragamkan satu perkataan yang wujud

dalam sistem yang sama . Lantaran itu pewujudan dua huruf *hamzah* tidak berlaku pada kata kerja kala kini ( Ibn Jinniy ,1954: 192 ).

Apabila huruf kedua dan huruf ketiga pada kata akar daripada huruf yang sama jenis , maka proses penyerapan akan berlaku pada ketiga-tiga kata kerja tersebut jika tidak bergandingan dengan *ḍamīr marfū‘* yang berharakah seperti contoh أَمَدَّ – يُمِدَ – أَمِدَّ . Jika bergandingan dengan *ḍamīr marfū’* berharakah maka penyerapan tidak dibenarkan contohnya kata kerja kala lepas : أَحْجَجْتُ , أَحْجَجْتَ , أَحْجَجْتِ ,أَحْجَجْنَا kata kerja kala kini : يَحْجِجْنَ kata kerja perintah : اَحْجِجْنَ ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Aḍīmah 1962a : 41 ). Namun ada juga penutur asli Arab mengekalkan bentuk asal sebagaimana wazannya tanpa sebarang variasi أَمْدَدَ ، يُمْدِدُ , أَمْدِدْ .

Perubahan variasi juga turut berlaku pada kod W 7 : JK 5 dalam ketiga-tiga golongan kata kerja tersebut , apabila huruf kedua kata akar terdiri daripada huruf ‘*illah* . Perubahan variasi hasil dari proses morfofonologi akan berlaku bagi menyesuaikan huruf ‘*illah* dengan huruf persekitarannya . Dalam jadual 4.14. dan 4.15 menunjukkan penukaran huruf ‘*illah* daripada *wāw* kepada *alīf* pada contoh أَقْوَمَ = أَقَامَ membentuk wazan <u>أَفَال < *’afāla*</u> > dan *yā’* pada يُقْوِمُ = يُقِيْمُ membentuk wazan <u>يُفْعِلُ < *yuf‘ilu*</u> >, seterusnya pengalihan harakah kedua-dua huruf ‘*illah* tersebut kepada huruf konsonan sebelumnya . Bentuk asalnya ialah أَقْوَمَ dan يُقْوِمُ di mana huruf wāw berharakah *fatḥah* atau *kasrah* dan huruf sebelumnya huruf *ṣaḥīh* berharakah *sukūn* , maka suara harakah

*fathah* atau *kasrah* pada huruf wāw dipindahkan kepada huruf *ṣaḥīh* sebelumnya iaitu أَقَوْمَ dan يُقِوِمُ. Kemudian huruf *wāw* pada أَقَوْمَ ditukarkan kepada huruf *alīf* dan huruf *wāw* pada يُقِوِمُ ditukarkan kepada huruf *yā’* kerana munasabah dengan harakah *fatḥah* dan *kasrah* sebelumnya (‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa’diy , 1973 : 132 ) .

Proses pengguguran huruf ‘*illah* di sisipan juga turut berlaku pada kata kerja perintah pada kod JK 5 seperti أَقِمْ dalam jadual 4.15 membentuk wazan أَفِلْ < *’afil* >. Pola asalnya ialah أَقْوِمْ kerana merujuk kepada wazan أَفْعِلْ < *’af-‘il* > tetapi huruf *wāw* digugurkan kerana pertembungan dua huruf *sukūn*, kemudian harakah *kasrah* pada *wāw* dipindahkan kepada huruf *ṣaḥīh* sebelumnya أَقِمْ .

Perubahan struktur kata kerja juga turut berlaku pada tiga jenis kod kata kerja iaitu JK 6 , JK 7 dan JK 8 . Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran meyebabkan sruktur wazan asal berubah daripada أَفْعِلْ < *’af-‘il* > kepada wazan أَفْعِ < *’af‘i* > seperti dalam dalam jadual 4.15 di atas أَوْفِ ، أَقْوِ ، أَعْطِ .

Perubahan-perubahan variasi yang berlaku menyebabkan wujud perbezaan antara kata kerja dengan wazan asalnya. Seterusnya boleh menimbulkan kekeliruan dan kesukaran untuk merujuk kepada wazan asalnya .

**( 2 )**

**W 8 Imbuhan Sisipan** : <u>فَعَّلَ < ***fa‘-‘a-la*** ></u>

Kata kerja <u>فَعَّلَ < *fa’-‘a-la*</u> > terbentuk daripada gabungan morfem فَعَلَ dan morfem <u>*‘a*</u> / ع / di sisipan iaitu لَ + عَ + فَعْ = فَعَّلَ . Jika ditinjau pembentukan kata kerja tersebut dari sudut morfologi dan fonologi , jelas kelihatan bahawa proses penggandaan huruf dan kewujudan hentian glotis di sisipan telah berlaku . Penggandaan dan hentian glotis berkenaan didapati kekal dalam semua kategori kata kerja dan semua jenis *kod* JK kata kerja .

Wazan kata kerja <u>فَعَّلَ < *fa‘-‘a-la*</u> > tidak banyak mengalami perubahan variasi pada struktur katanya kecuali pengembalian huruf asal kedua pada kod JK 5 dan pengguguran huruf ‘*illah* pada akhiran kata kerja yang tergolong dalam kod JK 6 , JK 7 dan JK 8. Pengguguran huruf ‘*illah* ini sebenarnya tidak ada kaitan dengan kewujudan imbuhan morfem ‘a*in* . Ianya berlaku disebabkan sifatnya sebagai huruf ‘*illah* tak bersuara di akhiran dan menjadi lambang *jazm* bagi *‘iraab* kata kerja perintah seperti contoh-contoh dalam jadual di bawah :

## a. Analisis Kata kerja Kala lepas Bagi Kod Wazan W 8 فَــعَّــلَ < *fa'-'a-la* >

Jadual 4.18 : Analisis kata kerja kala lepas bagi kod wazan W 8 فَـعَّـلَ < *fa'-'a-la*>

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | قَـتَّـلَ // *qattala* // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Tiada |
| JK 2 | أَثَّــرَ // *'ath-thara* // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Tiada |
| JK 3 | رَدَّدَ // *raddada* // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Tiada |
| JK 4 | وَصَّـلَ // *waṣṣala* // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Tiada |
| JK 5 | طَـوَّلَ // *ṭawwala* // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Pengembalian vokal asal pada sisipan |
| JK 6 | صَـفَّـى // *ṣaffā* // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Tiada |
| JK 7 | رَوَّى // *rawwā* // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Tiada |
| JK 8 | وَصَّــى // **wassā** // | فَعَّـلَ < *fa'-'a-la* > | | Tiada |

### b. Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod Wazan W 8 يُفَعِّلُ **< *yufa‘-‘ilu* >**

Jadual 4.19 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod wazan W 8 يُفَعِّلُ < *yufa‘-‘ilu* >

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يُقَتِّلُ<br>// *yuqattilu* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | Tiada |
| JK 2 | يُؤَثِّرُ<br>//*yuath-thiru* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | Tiada |
| JK 3 | يُرَدِّدُ<br>// *yuraddidu* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | Tiada |
| JK 4 | يُوَصِّلُ<br>// *yuwaṣṣilu* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | Tiada |
| JK 5 | يُطَوِّلُ<br>// *yuṭawwilu* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | Pengembalian vokal asal pada sisipan |
| JK 6 | يُصَفِّي<br>// *yuṣaffī* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | *sukūn* akhiran |
| JK 7 | يُرَوِّي<br>// *yurawwī* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | *sukūn* akhiran |
| JK 8 | يُوَصِّي<br>// *yuwaṣṣī* // | يُفَعِّلُ<br>< *yufa‘-‘ilu* > | | *sukūn* akhiran |

### *c.* Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 8 فَـعِّـلْ *< Fa‘-‘il >*

Jadual 4.20 : Analisis kata kerja perintah bagi kod wazan W 8 فَـعِّـلْ *< fa‘-‘il >*

| Kod JK | KK perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | قَــتِّــلْ<br>*// qattil //* | فَـعِّـلْ<br>< fa‘-‘il > | | Tiada |
| JK 2 | أثِّــرْ<br>*// ’ath-thir //* | فَـعِّـلْ<br>*< fa‘-‘il >* | | Tiada |
| JK 3 | رَدِّدْ<br>*// raddid //* | فَـعِّـلْ<br>*< fa‘-‘il >* | | Tiada |
| JK 4 | وَصِّــلْ<br>*// waṣṣil //* | فَـعِّـلْ<br>*< fa‘-‘il >* | | Tiada |
| JK 5 | طَــوِّلْ<br>*// ṭawwil //* | فَـعِّـلْ<br>*< fa‘-‘il >* | | Pengembalian vokal asal pada sisipan |
| JK 6 | صَــفِّ<br>*// ṣaffi //* | | فَــعِّ<br>*< fa‘ ‘i>* | Pengguguran vokal akhir |
| JK 7 | رَوِّ<br>*// rawwi //* | | فَــعِّ<br>*< fa‘ ‘i>* | Pengguguran vokal akhir |
| JK 8 | وَصِّ<br>*// waṣṣi //* | | فَــعِّ<br>*< fa‘ ‘i>* | Pengguguran vokal akhir |

Struktur kata kerja kod W 8 dalam jadual 4.18, 4.19 dan 4.20 di atas tidak mengalami sebarang perubahan pada susunan katanya kecuali perubahan kecil pada kata kerja perintah فَعِّلْ < *fa‘-‘il* > yang mewakili kod JK 5 , JK 6 , JK 7 dan JK 8.

Huruf ‘*illah wāw* pada kata kerja kod JK5 : 1 iaitu طَوَّلَ // *ṭawwala* //, يُطَوِّلُ // *yuṭawwilu* //, طَوِّلْ // *ṭawwil* // adalah huruf asal yang dikembalikan daripada huruf gantian *alīf* pada kata kerja *thulathiy mujarrad* طَالَ kerana huruf *ṣaḥīḥ* sebelumnya *berharakah fatḥah* ( Ibn Jinniy , 1954 : 251 ) .

Huruf ‘*illah* pada jenis kata kerja kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 yang mewakili kata kerja perintah berada di akhiran dan digugurkan kerana menjadi lambang *jazm* . Pengguguran tersebut memyebabkan wazannya menjadi فَعِّ < *fa’‘i* >. Bagaimanapun, kedudukan huruf akhir kata bukan daripada perbincangan morfologi sebaliknya tertakluk kepada bidang sintaksis .

**( 3 )**

## W 9 Imbuhan Sisipan : فَاعَلَ < *Fā-‘ala* >

Wazan فَاعَلَ < *fā-‘ala* > terbentuk apabila huruf *alīf* imbuhan di sisipan kata akar ف + ا + عل = فَاعَلَ . Huruf a*līf* tersebut sentiasa kekal dalam ketiga-tiga golongan kata kerja . Proses pembentukan wazan فَاعَلَ < *fā-‘ala* > ini akan mengakibatkan sedikit perubahan bunyi seperti pengguguran huruf *‘illah* dan penyerapan huruf tertentu , samada dalam pertuturan atau pun tulisan . Perubahan bunyi seperti ini dapat dikenalpasti melalui jenis kod kata kerja seperti ditunjukkan dalam contoh-contoh di bawah :

### a. Analisis Kata kerja Kala lepas Bagi Kod Wazan W 9 فَاعَلَ < *Fā-‘ala* >

Jadual 4.21 : Analisis kata kerja kala lepas bagi kod wazan W 9 فَاعَلَ < *fā-‘ala* >

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | ضَارَبَ<br>// *ḍaraba* // | فَاعَلَ<br>< *fā-‘ala* > | | Tiada |
| JK 2 | آمَنَ<br>// *āmana* // | | آعَلَ<br>< *’ā‘ala* > | Penyerapan |
| JK 3 | شَاقَّ / شَاقَقَ<br>// *shāqaqa* // | فَاعَلَ<br>< *fā-‘ala* > | | Tiada |

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | *// shāqqa //* | | | |
| JK 4 | وَا صَلَ<br>*// wāṣala //* | فَـاعَـلَ<br>< *fā-‘ala* > | | Tiada |
| JK 5 | حَـا وَرَ / عَـا يَنَ<br>*// ‘āyana //* ,<br>*// ḥāwara //* | فَـاعَـلَ<br>< *fā-‘ala* > | | Pengembalian vokal asal pada sisipan |
| JāK 6 | عَــا دَى<br>*// ‘ādā //* | | فَـاعَــى<br>< *fā-‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* kepada huruf alīf |
| JK 7 | سَـاوَى<br>*// sāwā //* | | فَـاعَــى<br>< *fā-‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* kepada huruf alīf |
| JK 8 | وَاقَى<br>*// wāqā //* | | فَـاعَــى<br>< *fā-‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* kepada huruf alīf |

**b. Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod Wazan W 9 يُـفَـاعِـلُ < *Yufā‘ilu* >**

Jadual 4.22 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod wazan W 9 يُـفَـاعِـلُ
< *yufā‘ilu* >

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يُضَـارِبُ<br>// y*uḍāribu* // | يُـفَـاعِـلُ<br>< *yufā‘ilu* > | | Tiada |
| JK 2 | يُوَامِـنُ<br>// *yu'āminu* // | يُـفَـاعِـلُ<br>< *yufā‘ilu* > | | Tiada |
| JK 3 | يُشَـا قُّ / يُـشَـا قِـقُ<br>// *yushĀqiqu* //,<br>// *yushāqqu* // | يُـفَـاعِـلُ<br>< *yufā‘ilu* > | يُـفَـالُّ<br><*yufāllu* > | Penyerapan |
| JK 4 | يُـوَا صِـلُ<br>// *yuwāṣilu* // | يُـفَـاعِـلُ<br>< *yufā‘ilu* > | | Tiada |
| JK 5 | يُـحَـا وِرُ / يُـعَـا يِـنُ<br>//*yu‘āyinu* //,<br>// *yuḥāwiru* // | يُـفَـاعِـلُ<br>< *yufā‘ilu* > | | Pengembalian vokal asal pada sisipan |
| JK 6 | يُـعَـا دِي<br>// *yu‘ādī* // | يُـفَـاعِـلُ<br>< *yufā‘ilu* > | | Tiada |
| JK 7 | يُسَـا وِي // *yusāwī* // | يُـفَـاعِـلُ<br>< *yufā‘ilu* > | | Tiada |

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 8 | يُوَاقِي *// yuwāqī //* | <u>يُفَاعِلُ</u><br>< <u>*yufā‘ilu*</u> > | | Tiada |

**c. Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 9 <u>فَاعِلْ < *Fā-‘il* ></u>**

Jadual 4.23 : Analisis kata kerja perintah bagi wazan <u>فَاعِلْ < *fā-‘il* ></u>

| Kod JK | KK perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | ضَارِبْ<br>*// ḍārib //* | <u>فَاعِلْ</u><br><u>< *fā-‘il* ></u> | | Tiada |
| JK 2 | آمِنْ<br>*// ’āmin //* | | <u>آفِلْ</u><br><u><*‘āfil* ></u> | Penyerapan |
| JK 3 | شَاقَّ / شَاقِقْ<br>*// shāqiq //,*<br>*// shāqqa //* | <u>فَاعِلْ</u><br><u>< *fā-‘il* ></u> | <u>فَالَّ</u><br><u>< *fālla* ></u> | Penyerapan |
| JK 4 | وَاصِلْ<br>*// wĀṣil //* | <u>فَاعِلْ</u><br><u>< *fā-‘il* ></u> | | Tiada |
| JK 5 | حَاوِرْ / عَايِنْ<br>*// ‘āyin //,*<br>*// ḥāwir //* | <u>فَاعِلْ</u><br><u>< *fā-‘il* ></u> | | Pengembalian vokal asal pada sisipan |
| JK 6 | عَادِ | | <u>فَاعِ</u> | Pengguguran vokal |

| Kod JK | KK perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | *// ‘ādhi //* | | <u>*< fā‘i >*</u> | akhiran |
| JK 7 | سَــاوِ<br>*// sāwi //* | | فَــاعِ<br><u>*< fā‘i >*</u> | Pengguguran vokal akhiran |
| JK 8 | وَاقِ<br>*// wĀqi //* | | فَــاعِ<br><u>*< fā‘i >*</u> | Pengguguran vokal akhiran |

Pembentukan kata kerja kod W 8 dalam jadual 4.21, 4.22 dan 4.23 di atas menunjukkan bahawa proses pembentukan katanya turut melibatkan perubahan pada struktur katanya . Perubahan yang ketara ialah penyerapan huruf , pengembalian huruf asal , penukaran huruf ‘*illah* dan pengguguran huruf ‘*illah*. Perubahan morfologi dan fonologi tersebut turut melibatkan perubahan pada wazan *’aṣliy*nya .

Dalam jadual 4.21 dan 4.23 di atas , penyerapan huruf dapat dilihat pada kod JK 2 kata kerja kala lepas dan kata kerja perintah. Penyerapan huruf *alīf* ke dalam dan huruf *hamzah* dan seterusnya dilambangkan dengan *mad* contohnya آمَــن dan آمِـــن. Menurut penyelidik dan pakar bahasa Arab , walaupun kedua-dua huruf tersebut berlainan sifatnya tetapi fungsi dari segi fonologi adalah sama . Lantaran itu dalam proses morfofonologi , huruf konsonan *hamzah* dianggap sebagai huruf ‘*illah* dalam proses pembentukan kata , kerana banyak terlibat dalam perubahan bunyi setanding dengan huruf-huruf *‘illah* yang lain .

Dalam jadual 4.21 ,4.22 dan 4.23 juga terdapat unsur penyerapan huruf pada kod JK *3* contohnya kata kerja kala lepas شَاقَّ , kata kerja kala kini يُشَاقُّ. dan kata kerja perintah شَاقِّ . Huruf kedua dan ketiga pada kata akar dari jenis yang sama seperti firman Allah Taala :

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُّوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ۖ وَمَن يُشَاقِقِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٣﴾

*Yang demikian itu adalah karena Sesungguhnya mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. barangsiapa menentang Allah , sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya.*

Para sarjana dan linguistik Arab berpendapat bahawa penyerapan huruf pada kod JK 3 tersebut bukanlah wajib malah mereka membenarkan *'infikāk* ( penyuraian ) huruf yang sama jenis contohnya شَاقِقْ ، يُشَاقِقُ ، شَاقَقَ .

Perubahan yang berlaku pada kod kata kerja JK 5 bagi contoh-contoh dalam jadual 4.21 ,4.22 dan 4.23 di atas adalah pengembalian huruf asal samada huruf wāw atau huruf yā' . Huruf asal tersebut merupakan huruf kedua kata akar . Ia amat diperlukan bagi membentuk wazan <u>فَاعَلَ</u> <u>< *fā-'ala* ></u> kerana tanpanya proses pembentukkan wazan tersebut menjadi kabur dan keliru . Kedua – dua huruf asal tersebut dikekalkan dalam ketiga –tiga golongan kata kerja tanpa mengalami sebarang perubahan morfologi walaupun keduanya merupakan huruf *'illah* seperti ( حَاوَرَ / عَايَنَ), (يُحَاوِرُ / يُعَايِنُ ) , dan *(* حَاوِرْ / عَايِنْ ) ( Sibawayh , 1982 : 2:362 , Ibn Jinniy , 1954 : 261 , dan Riḍauddin , 1982 : 144 )

Para sarjana dan linguistik Arab mereujuk kepada dua kaedah dalam membuat penentuan terhadap huruf asal samada huruf *wāw* atau *yā'*. Kaedah pertama dengan merujuk kepada kata kerja kala kini *thulathiy mujarrad* dan kaedah kedua merujuk kepada kata nama *maṣdar* . Jika kedua-duanya gagal diperolehi maka pengkaji mencadangkan supaya membuat rujukan kepada kamus .

Penukaran huruf *'illah* kepada huruf *alīf* berlaku pada kata kerja kala lepas dan kata kerja kala kini yang mewakili kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 . Penukaran huruf *'illah* kepada huruf *alīf* pada kata kerja kala lepas seperti عَادَى // *‘āda* // , سَاوَى // *sāwa* // *dan* وَاقَى // *wāqa* // dalam jadual 4.21. Perbezaan wazan ialah فَاعَى < *fā-‘ala* > .

Pengguguran huruf *‘illah* pula berlaku di akhiran kata kerja perintah bagi kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 seperti contoh عَادِ // *‘ādhi* // , سَاوِ // *sāwi* // dan وَاقِ // *wāqi* // dalam dalam jadual 4.23 di atas . Perbezaan wazan ialah فَاعِ < *fā‘i* > .

Kesimpulan , perubahan bunyi yang berlaku pada contoh-contoh kata kerja yang disebut di atas hanya bersabit dengan perkara yang kecil-kecil sahaja dan tidak banyak mengubah bentuk wazan asalnya iaitu فَاعَلَ < *fā-‘ala* > , يُفَاعِلُ < *yufā‘ilu* > dan فَاعِلْ < *fā-‘il* >.

### 4.2.1.2 Analisis Wazan Kata kerja *Mazīd* Dua Huruf

Wazan-wazan dalam kumpulan ini terdiri daripada lima wazan utama iaitu : اِفْعَلَّ , اِنْفَعَلَ ، اِفْتَعَلَ ، ، تَفَعَّلَ ، تَفَاعَلَ . Ibn Jinniy ( 1954a : 71 ) dan ‘Abduh al -Rājiḥiy ( 1984 : 36 ) telah membahagikan pengimbuhan kata kerja dalam kumpulan ini kepada tiga bentuk : awalan , separuh kurungan ( iaitu awalan dan sisipan ) dan kurungan ( iaitu awalan dan akhiran ). Senarai imbuhan adalah seperti berikut :

a) Awalan :

i *Hamzah waṣal* dan = اِنْفَعَلَ < *in-fa-‘ala* >

b) Separuh Kurungan :

i *Hamzah* waṣal dan *Tā’* = اِفْتَعَلَ < *if-ta-‘ala* >

ii *Tā’* dan imbuhan ‘*Ain* kedua = تَفَعَّلَ < ***ta***- *fa* ‘ -***‘a****la* >

iii *Tā’* dan *Alīf* = تَفَاعَلَ < *ta – fā –‘ala* >

c) Kurungan :

*i* *Hamzah waṣal* dan imbuhan *Lām kedua* = اِفْعَلَّ < *if -‘al-la* >

( 1 )

W 10 **Imbuhan Awalan** : **اِنْفَعَلَ < *In-fa-'ala* >**

Wazan اِنْفَعَلَ < *in-fa-'ala* > terbentuk apabila imbuhan " *in* " diimbuh di awalan kata akar . Awalan " *in* " ini boleh digabungkan dengan kata akar dari semua jenis kod kata kerja selain daripada kod JK 4 dan JK 8. Pemakaian awalan "*in* " pada dua jenis kod JK tersebut tidak pernah kedengaran daripada penutur asli Arab baik dalam pertuturan atau tulisan mereka . Malah jika terdapat penggunaan "*in*" pada dua kod JK kata kerja tersebut ia dianggap suatu penggunaan *shadh* yang amat ganjil dan luar biasa .

Awalan "*in* " ini mempunyai fungsi nahuan tersendiri . Kewujudannya tidak mengakibatkan banyak rombakan pada huruf atau perubahan bunyi pada huruf persekitarnnya seperti contoh-contoh yang ditunjuk dalam jadual berikut :

**a. Analisis Kata kerja Kala lepas Bagi Kod Wazan W 10 اِنْفَعَلَ**

**< *In-fa-'ala* >**

Jadual 4.24 : Analisis kata kerja kala lepas bagi kod wazan W 10 اِنْفَعَلَ

< *in-fa-'ala* >

| Kod JK | KK Kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | اِنْكَسَرَ<br>// *inkasara* // | اِنْفَعَلَ<br>< *in-fa-'ala* > | | Tiada |
| JK 2 | اِنْأطَرَ<br>// *in'aara* // | اِنْفَعَلَ<br>< *in-fa-'ala* > | | Tiada |
| JK 3 | اِنْحَطَّ<br>// *inḥaṭṭa* // | | اِنْفَلَّ<br>< *infalla*> | Penyerapan |
| JK 4 | Tiada | Tiada | | Tiada |
| JK 5 | اِنْحَازَ<br>// *inḥāza* // | | اِنْفَالَ<br>< *infāla* > | Penukaran vokal sisipan kepada vokal *alīf* |
| JK 6 | اِنْبَرَى<br>// *inbarā* // | | اِنْفَعَى<br>< *in-fa-'ā* > | Penukaran vokal sisipan kepada vokal *alīf* |
| JK 7 | اِنْطَوَى<br>// *inṭawā* // | | اِنْفَعَى<br>< *in-fa-'ā* > | Penukaran vokal sisipan kepada vokal *alīf* |
| JK 8 | Tiada | Tiada | | Tiada |

**b. Analisis Kata kerja Kala kini Bagi Kod Wazan W 10 <u>يُنْفَعِلُ</u>**

**<u>*Yan-fa-‘ilu* ></u>**

Jadual 4.25 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod wazan W 10 <u>يُنْفَعِلُ</u>

<u>< *yan -fa-‘ilu* ></u>

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يَنْكَسِرُ<br>// *yankasiru* // | <u>يَنْفَعِلُ</u><br><u>< *yan -fa-‘ilu* ></u> | | Tiada |
| JK 2 | يَنْأَطِرُ<br>// *yan’aṭiru* // | <u>يَنْفَعِلُ</u><br><u>< *yan -fa-‘ilu* ></u> | | Tiada |
| JK 3 | يَنْحَطُّ<br>// *yanḥaṭṭu* // | | <u>يَنْفَلُّ</u><br><u>< *yan-fallu*</u> > | Tiada |
| JK 4 | Tiada | Tiada | | Tiada |
| JK 5 | يَنْحَازُ<br>// *yanḥāzu* // | | <u>يَنْفَالُ</u><br>< *yan-fālu* > | Penukaran vokal asal pada sisipan kepada huruf *alīf* |
| JK 6 | يَنْبَرِي<br>// *yanbarī* // | <u>يَنْفَعِلُ</u><br><u>< *yan -fa-‘ilu* ></u> | | Tiada |
| JK 7 | يَنْطَوِي<br>// *yanṭawī* // | <u>يَنْفَعِلُ</u><br><u>< *yan -fa-‘ilu* ></u> | | Tiada |
| JK 8 | Tiada | Tiada | | Tiada |

c. **Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 10 <u>اِنْفَعِلْ < *In-fa’il* ></u>**

Jadual 4.26 : Analisis kata kerja perintah bagi kod wazan W **10** <u>اِنْفَعِلْ</u>

<u>< *in-fa’il* ></u>

| Kod JK | KK Perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | اِنْكَسِرْ<br>// *inkasir* // | <u>اِنْفَعِلْ</u><br><u>< *in-fa’il* ></u> | | Tiada |
| JK 2 | اِنْأَطِرْ<br>< *in’aṭir*> | <u>اِنْفَعِلْ</u><br><u>< *in-fa’il* ></u> | | Tiada |
| JK 3 | اِنْحَطَّ / اِنْحَطِطْ<br>// *inḥaṭiṭt* //,<br>// *inḥaṭṭa* // | <u>اِنْفَعِلْ</u><br><u>< *in-fa’il* ></u> | <u>اِنْفَلَّ</u><br>< <u>*in-falla*</u> > | Penyerapan |
| JK 4 | Tiada | | | Tiada |
| JK 5 | اِنْحَزْ<br>// *inḥāz* // | | <u>اِنْفَلْ</u><br>< <u>*in-fal*</u> > | Pengguguran huruf ‘*illah* di sisipan |
| JK 6 | اِنْبَرِ<br>// *inbari* // | | <u>اِنْفَلِ</u><br>< <u>*in-fali*</u> > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| JK 7 | اِنْطَوِ<br>// *inṭawi* // | | <u>اِنْفَلِ</u><br>< <u>*in-fali*</u> > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| JK 8 | Tiada | | | Tiada |

Analisis yang dijalankan terhadap pembentukan kata kerja perintah <u>اِنْفَعِلْ < *in-fa'il* ></u> bagi contoh-contoh dalam jadual 4.24, 4.25 dan 4.26 di atas mendapati lima jenis kod JK iaitu JK 4 , JK 5 , JK 6 , JK 7 dan JK 8 mengalami perubahan pada struktur katanya menyebabkan wujud perbezaan yang ketara dengan sturktur wazan asal iaitu <u>اِنْفَعِلْ < *in-fa'il* ></u> **.** Sementara kod JK 1 dan kod JK 2 tidak mengalami sebarang perubahan pada struktur katanya malah tetap utuh dengan bentuk asalnya iaitu <u>إفْعَالٌ < *'if'ālun*</u> > **.** Unsur –unsur perubahan yang terlibat adalah penyerapan huruf , penukaran huruf dan pengguguran huruf *'illah*. Manakala kod JK 4 dan kod JK 8 pula didapati penggunaannya adalah sangat tidak produktif dan tidak wujud .

Penyerapan huruf berlaku pada kod JK 3 dalam semua kategori kata kerja seperti اِنْحَطَّ // *inḥaṭṭa* // , يَنْحَطُّ // *yanḥaṭṭu* // dan اِنْحَطِطْ / اِنْحَطَّ // *inḥaṭiṭt* //, // *inḥaṭṭa* // dalam jadual 4.24, 4.25 dan 4.26 di atas . Walaupun penyuraian huruf pada kata kerja perintah اِنْحَطِطْ // *inḥaṭiṭ* // dibolehkan namun penyerapan adalah lebih popular . Perbezaan wazan adalah <u>اِنْفَلَّ < *in-falla*</u> > .

Penukaran huruf pula dapat dilihat pada kata kerja kala lepas dan kata kerja kala kini yang mewakili kod JK 5 , JK 6 dan JK 7 dalam jadul 4.24 dan 4.25 di atas . Huruf *yā'* pada pola asal bagi kata kerja kala lepas اِنْحَيَزَ // *inḥayaza* // dan kata kerja kala kini يَنْحَيِزُ // *yanḥayizu* // pada JK 5 dituikar kepada huruf *alīf* kerana mengikut harakah *fatḥah* pada huruf konsonan sebelumnya iaitu اِنْحَازَ // *inḥāza* //, kata kerja kala kini يَنْحَاز // *yanḥāzu* // . Perbezaan wazan adalah

يَنْفَالُ < *yan-fālu* > bagi kata kerja kala lepas dan يَنْفَالُ < *yan-fālu* > bagi kata kerja kala kini .

Bagi kod JK 6 dan JK 7 pula penukaran huruf *'illah* kepada huruf *alīf* berlaku pada kata kerja kala lepas iaitu اِنْبَرَى // *inbarā* // dan اِنْطَوَى // *inṭawā* // . Perbezaan wazan adalah اِنْفَعَلْ < *in-fa-'al* > . Perbezaan wazan adalah اِنْفَعَى < *in-fa-'ā* > .

Pengguguran huruf pula berlaku pada kata kerja perintah bagi kod JK 5 , JK 6 dan JK 7 dalam dalam jadual 4.26 seperti contoh dalam dalam jadual 4.26. Pengguguran huruf *alīf* pada اِنْحَزْ // *inḥaz* // bagi mengelakkan pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut dalam satu perkataan iaitu harakah *sukūn* pada huruf *alif* dan konsonan *zāi* selepasnya اِنْحَازْ // *inḥāz* //. Mengikut peraturan morfologi , huruf *alif* menjadi pilihan untuk digugurkan kerana sifatnya yang lemah berbanding konsonan *zāi*. Perbezaan wazan adalah اِنْفَلْ < *in-fal* >.

Sementara pengguguran huruf *'illah* di akhiran pada kod JK 6 dan JK 7 seperti اِنْبَرِ // *inbari* // dan اِنْطَوِ // *inṭawi* // adalah sebagai lambang kepada *sukūn* bagi kata kerja perintah yang berakhir dengan huruf *'illah* . Perbezaan wazan adalah اِنْفَلِ < *in-fali* > .

( 2 )

**W 11 Imbuhan Separuh Kurungan** : إفْتَعَلَ < ***Ifta‘ala*** >

Kata kerja إفْتَعَلَ < *ifta‘ala* > ini terbentuk daripada gabungan imbuhan *hamzah* di awalan dan *tā’* di sisipan dengan kata akar فَعَلَ < *fa‘ala*> . Imbuhan membawa fungsi makna dan nahuan tersendiri seperti imbuhan –imbuhar lain dan boleh bergabung dengan kata akar dalam semua jenis kod kata kerja . Proses pembentukan wazan ini melibattkan pelbagai perubahan pada struktur dan susunan katanya .

Penyelarasan antara huruf *hamzah* dan *tā’* dengan huruf-huruf persekitarannya akan mengakibatkan penukaran huruf tertentu berlaku . Penukaran huruf ini merupakan variasi bentuk sahaja dan tidak mempunyai apa-apa makna yang berbeza dengan makna yang didukung oleh kedua-dua imbuhan tersebut . Perubahan yang berlaku dalam proses pembentukan kata kerja إفْتَعَلَ < *ifta‘ala* > ini ditunjukkan dalam jadual seperti berikut :

**a. Analisis Kata kerja Kala lepas Bagi Kod Wazan W 11 اِفْتَعَلَ**

***< Ifta‘ala >***

Jadual 4.27 : Analisis kata kerja kala lepas bagi kod wazan W 11 اِفْتَعَلَ

*< ifta‘ala >*

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | اِجْتَهَدَ<br>*// ijtahid //* | اِفْتَعَلَ<br>*< ifta‘ala >* | | Tiada |
| JK 2 | اِتَّخَذَ/ اِئْتَخَذَ<br>// i’ *takhadha //*<br>*// ittakhadha //* | اِفْتَعَلَ<br>*< ifta‘ala >* | اِتَّعَلَ<br>*< itta‘ala >* | Tiada |
| JK 3 | اِمْتَدَّ<br>*// imtadda //* | | اِفْتَلَّ<br>*< iftalla >* | Penyerapan |
| JK 4 | اِتَّصَلَ<br>*// ittaṣil //* | | اِتَّعَلَ<br>*< itta‘ala >* | Penukaran huruf awalan kepada huruf *tā’* dan penyerapan |
| JK 5 | اِحْتَالَ<br>*// iḥtāla //* | | اِفْتَالَ<br>*< iftāla >* | Penukara huruf ‘*illah* di sisipan kepada huruf *alīf* |
| JK 6 | اِعْتَدَى<br>*// i‘tadā //* | | اِفْتَعَى<br>*< ifta‘ā >* | penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 7 | اِلْتَوَى | | اِفْتَعَى | penukaran huruf |

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | *// iltawā //* | | <u>*< ifta'ā >*</u> | *'illah* di akhiran kepada huruf a*lī*f |
| JK 8 | اِتَّقَى<br>*// ittaqā//* | | <u>اِتَّعَى</u><br><u>*< itta'ā*</u> > | 1. Penukaran huruf awalan kepada huruf *tā'* dan penyerapan.<br>2. penukaran huruf *'illah* akhiran kepada huruf *alīf* |

**b. Analisis Kata kerja Kala Kini Bagi Kod Wazan W 11 <u>يَفْتَعِلُ</u>**

**<u>< Yaf-ta-'ilu ></u>**

Jadual 4.28: Analisis kata kerja kala kini bagi kod wazan W 11 <u>يَفْتَعِلُ</u> <u>*< yaf-ta-'ilu >*</u>

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يَجْتَهِدُ<br>// **y***ajtahidu //* | <u>يَفْتَعِلُ</u><br><u>*< yafta'ilu >*</u> | | Tiada |
| JK 2 | يَتَّخِذُ<br>// *ya'takhidhu* // | <u>يَفْتَعِلُ</u><br><u>*< yafta'ilu >*</u> | <u>يَتَّعِلُ</u><br><u>*< yatta'ilu >*</u> | Tiada |

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 3 | يَمْتَدُّ<br>// **y***amtaddu* // | | يَـفْـتَـلُّ<br>< *yaftallu* > | Penyerapan |
| JK 4 | يَتَّـصِلُ<br>// *yattaṣilu* // | | يَـتَّـعِـلُ<br>< *yatta‘ilu* > | Penukaran huruf ‘*illah* di awalan kepada huruf *tā’* dan penyerapan |
| JK 5 | يَحْتَا لُ<br>// **y***aḥtālu* // | | يَـفْـتَـالُ<br>< *yaftālu* > | Penukaran huruf ‘*illah* di sisipan kepada huruf *alīf* |
| JK 6 | يَـعْـتَـدِ ي<br>// *ya'tadī* // | | يَـفْـتَـعِـيْ<br>< *yafta ‘ī* > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *yā’* |
| JK 7 | يَلْتَـوِي<br>// *yaltawī* // | | يَـفْـتَـعِـيْ<br>< *yafta ‘ī* > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *yā’* |
| JK 8 | يَـتَّـقِـيْ<br>// **y***attaqī*// | | يَـتَّـعِـيْ<br>< *yatta‘ī* > | 1. Penukaran huruf ‘*illah* di awalan kepada |

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | | | | huruf *tā’* dan penyerapan.<br>2. Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *yā’* |

**c. Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 11 <u>اِفْتَعِلْ</u>**

**<u>< *If-ta-‘il* ></u>**

Jadual 4.29 : Analisis kata kerja perintah bagi kod wazan W 11 <u>اِفْتَعِلْ</u> <u>< *if-ta-‘il* ></u>

| Kod JK | KK perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | اِجْتَهِدْ<br>// *ijtahid* // | <u>اِفْتَعِلْ</u><br><u>< *if-ta-‘il* ></u> | | Tiada |
| JK 2 | اِتَّخِذْ<br>// *i’takhidh* // | <u>اِفْتَعِلْ</u><br><u>< *if-ta-‘il* ></u> | <u>اِتَّعَلْ</u><br><u>< *itta‘il* ></u> | Tiada |
| JK 3 | اِمْتَدِدْ / اِمْتَدَّ<br>// *imtadda* // , | <u>اِفْتَعِلْ</u> | <u>اِفْتَلَّ</u> | Penyerapan |

| Kod JK | KK perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | // *imtadid* // | < *if-ta-‘il* > | < *iftalla* > | |
| JK 4 | اِتَّصِلْ<br>// *ittaṣil* // | | اِتَّعِلْ<br>< *itta‘il* > | Penukaran huruf awalan kepada huruf *tā’* dan penyerapan |
| JK 5 | اِحْتَل<br>// *iḥtal* // | | اِفْتَلْ<br>< *iftal* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di sisipan |
| JK 6 | اِعْتَدِ<br>// *i‘tadi* // | | اِفْتَعِ<br>< *ifta‘i* > | pengguguran huruf akhiran |
| JK 7 | اِلْتَو<br>// *iltawi* // | | اِفْتَعِ<br>< *ifta‘i* > | pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| JK 8 | اِتَّقِ<br>// *ittaqi* // | | اِتَّعِ<br>< *itta*‘i > | 1. Penukaran huruf awalan kepada huruf *tā’* dan penyerapan.<br>2. Pengguguran huruf ‘*illah* |

Analisis pembentukan kata kerja daripada wazan <u>إِفْتَعَلَ < if-ta-‘ala</u> > dalam jadual 4.27, 4.28 dan 4.29 di atas , menunjukkan terdapat dua bentuk perubahan yang berlaku kesan daripada penggabungan imbuhan *hamzah* dan *tā’* dengan kata akar iaitu penukaran huruf , penyerapan huruf dan pengguguran huruf .

Penukaran dan penyerapan huruf berlaku pada kod kata kerja JK 2 , dan JK 4, JK 6 , Jk 7 dan JK 8 seperti اِتَّخَذَ // *ittakhadha* // اِتَّصَلَ // *ittaṣala* //, اِعْتَدَى // *i‘tadā* //, اِلْتَوَى // *iltawā* // dan اِتَّقَى // *ittaqā*// dalam jadual di atas . Proses penukaran huruf pertama pada kata akar kepada huruf *tā’* turut dikesan pada kata kerja yang tergolong dalam kod JK 2. Hasil kajian mendapati bahawa ada segelintir penutur jati Arab menukar huruf *hamzah* yang merupakan huruf pertama kata akar dalam kod tersebut kepada huruf *tā’* seperti اِئْتَخَذَ menjadi اِتَّخَذَ // *it-takhadha* >. Perbezaan wazan adalah <u>اِتَّعَلَ < *it-ta‘ala*</u> > . Namun , bukan semua kata kerja jenis kod JK 2 ini mengalami proses yang sama, kerana ada segelintir penutur jati Arab lain pula mengekalkan huruf *hamzah* pada kata kerja imbuhan tersebut tanpa mengalami sebarang penukaran huruf seperti اِئْتَلَفَ , اِئْتَمَرَ , اِئْتَمَنَ , اِئْتَزَرَ dan اِئْتَكَلَ ( Jubrān Mas‘ūd , 1981 : 17 ). Berdasarkan dua bentuk pemakaian di atas , dapatlah dirumuskan bahawa kekerapan penggunaan tiap-tiap satunya di kalangan penutur jati Arab menjadi penentu kepada kefasihan kedua-dua bentuk pemakaian tersebut . Oleh itu kekerapan menukarkan huruf *hamzah* kepada huruf *tā’* dalam semua kategori kata adalah lebih tinggi berbanding dengan mengekalkan *hamzah.*

Manakala penukaran huruf *‘illah* di awalan kata akar kod JK 4 dan JK 8 bagi kata kerja kala lepas اِتَّصَلَ // *ittaṣala* // , اِتَّقَى // *ittaqā* // , kata kerja kala kini يَتَّصِلُ // *yattaṣilu* //, يَتَّقِي // *yattaqī* // dan kata kerja perintah اِتَّصِلْ // *ittaṣil* // , اِتَّقِ // *ittaqi* // kepada huruf *ta’* adalah wajib bagi menyesuaikan harakah dengan konsonan *hamzah* imbuhan sebelumnya . Berikutan dengan itu , penyerapan dua huruf *ta’* iaitu *ta’* gantian dan *ta’* imbuhan telah berlaku . Penukaran dan penyerapan tersebut kekal dalam ketiga-tiga golongan kata kerja . Perbezaan wazan adalah اِتَّعَلَ < *itta‘ala* > bagi kala lepas dan يَتَّعِلُ < *yatta‘ilu* > bagi kala kini dan اِتَّعِلْ < *itta‘il* >. bagi kata kerja perintah ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 172 ).

Penukaran huruf tanpa peyerapan pula berlaku pada kata kerja kala lepas dan kala kini bagi kod JK 5 , JK 6 dan JK 7 . Penukaran huruf *‘illah* di sisipan kepada huruf *alīf* pada kata kerja kala lepas dan kata kerja kala kini bagi kod JK 5 اِحْتَال // *iḥtālal* // , dan يَحْتَالُ // *yaḥtālu* // seperti dalam jadual 4.27 dan 4.28 adalah wajib kerana menyesuaikan dengan harakah *fatḥah* pada huruf konsonan sebelumnya . Perbezaan wazan adalah اِفْتَالَ < *iftāla* > bagi kala lepas dan يَفْتَالُ < *aftālu* > bagi kala kini . Penukaran huruf *‘illah* di akhiran kepada huruf *alīf* pada kata kerja kala lepas اِعْتَدَى // *i‘tadā* // dan kepada huruf *yā’* pada kata kerja kala kini يَعْتَدِي // *ya ‘tadī* // bagi kod JK 6 adalah kerana mengikut harakah *fatḥah* dan *kasrah* pada huruf konsonan sebelumnya . Perbezaan wazan adalah اِفْتَعَى < *Ifta‘ā* > dan يَفْتَعِيْ < *yafta ‘ī* >.

Pengguguran huruf ‘*illah* di sisipan kata kerja perintah bagi kod JK 5 اِحْتَل // *iḥtal* // dalam jadual 4.29 kerana berlaku pertembungan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut dalam satu perkataan iaitu اِحْتَال // *iḥtāl* // ( al-Ḥamlāwiy ,1990 : 218 ). Perbezaan wazan adalah اِفْتَلْ < *iftal* > . Manakala pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran pula pada kata kerja perintah bagi kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 adalah kerana lambang bagi *jazm* kata kerja perintah . Perbezaan wazan bagi kod JK 6 dan JK 7 adalah اِفْتَعِ < *ifta‘i* > dan bagi kod 8 adalah اِتَّعِ < *itta*‘*i* >.

Selain huruf ‘*illah* , huruf konsonon juga terlibat dalam penukaran . Huruf *tā’* imbuhan kadang kala ditukar kepada huruf konsonan lain yang sama atau hampir sama dengan sifat dan *makhraj* huruf pertama kata akar sebelumnya. Penukaran huruf ini merupakan perubahan variasi bentuk sahaja tetapi fungsi dan makna yang dibawanya adalah sama dengan fungsi dan makna yang dibawa oleh huruf *tā’*imbuhan . Huruf-huruf konsonan yang terlibat dalam pertukaran adalah seperti berikut :

**a. Huruf *Ta’* ditukar kepada huruf *Dāl* ( دال ).**

Penukaran huruf *tā’* imbuhan kepada huruf *dāl* berlaku apabila huruf pertama kata akar terdiri daripada huruf *dal* . Penukaran tersebut dibuat bagi mengelak daripada timbul kesukaran ketika menuturkan dua huruf tersebut secara berturutan disebabkan berlainan sifat dan *makhraj* keduanya . Proses penyerapan kedua-dua huruf tersebut kemudianya turut berlaku ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 177 ) .

Perbezaan wazan adalah اِفَّعَلَ < *if-fa*‘*ala* > seperti dalam peringkat ketiga dalam contoh yang ditunjukan dibawah **:**.

| | Peringkat Pertama | | Peringkat Kedua | Peringkat Ketiga |
|---|---|---|---|---|
| i | اِذْتَعَى | / ت / ditukar kepada / د / | اِذْدَعَى | = اِدَّعَى // *idda‘ā* // |
| ii | اِذْتَهَى | / ت / ditukar kepada / د / | اِذْدَهَى | = اِدَّهَى // *iddahā*// |
| iii | اِذْتَهَنَ | / ت / ditukar kepada / د / | اِذْدَهَنَ | = اِدَّهَنَ // *iddahana* // |
| iv | اِذْتَرَأَ | / ت / ditukar kepada / د / | اِذْدَرَأَ | = اِدَّرَأَ //*iddara’a* // |

Selain itu , proses penukaran huruf *tā’* imbuhan kepada huruf *dāl* juga berlaku apabila huruf pertama kata akar terdiri daripada huruf *zāi* ( زاي ) (’Abdul Qāhir al-Jurjāniy , t.t : 98 ) dan perbezaan wazan adalah اِفْدَعَلَ < *ifda*‘*ala* > seperti contoh di bawah :

| | Peringkat Pertama | | Peringkat Kedua |
|---|---|---|---|
| i | اِزْتَهَرَ | / ت /ditukar kepada / د / | = ازْدَهَر // *izdahara* // |
| ii | اِزْتَهَى | / ت /ditukar kepada / د / | = اِزْدَهَى // *izdaha* // |
| iii | اِزْتَانَ | / ت /ditukar kepada / د / | = اِزْدَانَ // *izdā-na* // |

Huruf *tā'* imbuhan ditukar menjadi huruf *dāl* atau huruf *dhāl* juga turut apabila huruf pertama kata akar daripada huruf *dhal* ( ذال ) . Kedua–dua huruf ini mempunyai kekerapan yang setaraf di samping membawa fungsi dan makna yang sama . Proses penukaran huruf-huruf tersebut dapat lihat dalam tiga bentuk seperti contoh di bawah :

| | Peringkat Pertama | | Peringkat Kedua |
|---|---|---|---|
| i | اِذْتَـكَر | / ت / ditukar kepada / د / | اِذْدّكّرّ // *idh-dakara* // |
| ii | اِذْتّكَـر | / ت / ditukar kepada / د / | اِذْدَكَـرَ = اِدَّكَـرَ // *id-dakara* // |
| iii | اِذْتَـكَـرَ | / ت / ditukar kepada / ذ / | اِذْذَكّرَ = اِذَّكَـرَ // *idh-dhakara* // |

Dalam contoh (i) penukaran huruf hanya berlaku dalam satu peringkat sahaja iaitu penukaran huruf *tā'* kepada huruf *dāl* اِذْدّكّرَ // *iddakara* // tanpa proses penyerapan . Perbezaan wazan adalah <u>اِفْدَعَـلَ < *ifda'ala*</u> > Manakala dalam contoh (ii) dan (iii) pula proses penukaran berlaku dalam dua peringkat . Pertama : penukaran huruf *tā'* kepada *dāl* dan penukaran huruf pertama kata akar kepada huruf *dāl* bagi contoh (ii) اِدْدَكَـرَ = اِدَّكَـرَ // *id-dakara* // . Bagi contoh (iii) اِذْذَكّرَ = اِذَّكَـرَ // *Izzakara* // pula penukaran huruf *tā'* kepada huruf *dhāl* . Kedua : penyerapan bagi kedua-dua contoh tersebut اِدَّكَـرَ // *id-dakara* // dan اِذَّكَـرَ // *idh-dhakara* // . Perbezaan wazan adalah <u>اِدَّعَـلَ < *id-da'ala*</u> > dan <u>اِذَّعَـلَ < *idh-dha'ala*</u> > ( 'Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 180 ) .

**b. Penukaran huruf *Tā’* ( تَاء ) kepada huruf *Ṭā’* ( طَاء ) .**

Penukaran huruf *tā’* kepada huruf *ṭā’* ini berlaku apabila huruf pertama kata akar terdiri daripada huruf-huruf *iṭbāq* seperti berikut iaitu : صاد // *ṣād* // , ضاد // *ḍād* // , طاء //*ṭā’*// dan ظاء // *ẓā’* // (‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy , 1973 : 105 ) . Perbezaan wazan adalah اِفْطَعَلَ < *ifṭa‘ala* > . Contoh-contoh imbuhan bentuk ini adalah seperti berikut :

<u>Peringkat Pertama</u> <u>Peringkat Kedua</u>

i اِصْتَبَرَ / ت /ditukar kepada / ص / اِصْطَبَرَ < *iṣtabara* > = +

ii اِصْتَلَحَ / ت /ditukar kepada / ص / اِصْطَلَحَ ◌ < *iṣtalaḥa* > = +

iii اِضْتَرَبَ / ت /ditukar kepada / ض / اِضْطَرَبَ // *iḍtaraba* // = +

iv اِضْتَلَعَ / ت /ditukar kepada / ض / اِضْطَلَعَ // *iḍ-tala’a* // = +

v اِطْتَلَعَ / ت /ditukar kepada / ط / اِطْطَلَعَ = اطَّلَعَ // *iṭtala’a* //

vi اِطْتَرَدَ / ت /ditukar kepada / ط / اِطْطَرَدَ = اِطَّرَدَ // *iṭṭarada* //

vii اِظْتَلَمَ / ت /ditukar kepada / ظ / atau / ط / اِظْظَلَمَ / اِظْطَلَمَ = اِظْطَلَمَ = اِظَّلَمَ // *iẓẓalama* //

c. **Huruf pertama kata akar ditukar kepada huruf *Ṭā’ (* تاء ) .**

Proses penukaran jenis ini terbentuk daripada kata kerja dalam golongan kod JK 4 yang huruf pertama pada kata akarnya terdiri daripada huruf *wāw* ( واو **)** . Selain itu , terdapat juga huruf konsonan *thā’* ( ثاء ) ditukar kepada huruf *ta’* seperti اِتَّغَرَ daripada اِثَّغَرَ ( ‘Abdul Mālik ‘Abdul Raḥmān al-Sa‘diy , 1973 : 106 ). Proses pembentukan imbuhan ini berlaku melalui dua peringkat iaitu peringkat penukaran huruf dan penyerapan huruf . Perbezaan wazan adalah <u>اِتَّعَلَ < *it-ta‘ala* ></u> seperti ditunjukkan dalam contoh di bawah :

| | <u>Peringkat Pertama</u> | | <u>Peringkat Kedua</u> |
|---|---|---|---|
| i | اِوْتَصَلَ /**و**/ditukar kepada /**ت**/ اِتْتَصَلَ | = | اِتَّصَلَ // *ittaṣala* // |
| ii | اِوْتَعَدَ **و**/ditukar kepada /**ت**/ اِتْتَعَدَ | = | اِتَّعَدَ // *ittakhaza* // |
| iii | اِوْتَقَى / **و**/ditukar kepada /**ت**/ اِتْتَقَى | = | اِتَّقَى // *ittaqā* // |
| iv | اِثْتَغَرَ / **ث**/ditukar kepada /**ت**/ اِتْتَغَرَ | = | اِتَّغَرَ //*it-taghara* // |

( 3 )

**W 12 Imbuhan Separuh Kurungan : <u>تَفَعَّلَ < *Ta- fa ‘-‘a-la* ></u>**

Bentuk imbuhan jenis ini terhasil daripada gandingan dua huruf imbuhan iaitu awalan “ *Ta* ” dan penggandaan huruf sisipan ( lambang *tashdīd* ) pada kata akar <u>فَعَلَ</u> <u>< *fa‘ala* ></u> . Imbuhan jenis ini boleh bergandingan dengan semua jenis kod JK kata kerja dan proses pembentukannya tidak banyak melibatkan perubahan pada struktur katanya seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

**a. Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi Kod Wazan W 12 <u>تَفَعَّلَ</u>**
**<u>< *Ta- fa‘ -‘a-la* ></u>**

Jadual 4.30 : Analisis kata kerja kala lepas bagi kod wazan W 12 <u>تَفَعَّلَ</u>
<u>< *Ta- fa‘ -‘a-la* ></u>

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | تَعَلَّمَ<br>*// ta’allama //* | <u>تَفَعَّلَ</u><br><u>*<ta- fa‘ -‘a-la >*</u> | | Tiada |
| JK 2 | تَأَثَّرَ<br>*//ta-’ath-thara //* | <u>تَفَعَّلَ</u><br><u>*<ta- fa‘ -‘a-la >*</u> | | Tiada |
| JK 3 | تَرَدَّدَ<br>*// taradada //* | <u>تَفَعَّلَ</u><br><u>*<ta- fa‘ -‘a-la >*</u> | | Tiada |
| JK 4 | تَوَصَّلَ | <u>تَفَعَّلَ</u> | | Tiada |

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | // *tawaṣṣala* // | <*ta- fa‘ -‘a-la* > | | |
| JK 5 | تَطَوَّعَ<br>// *taṭawwa’a* // | تَفَعَّلَ<br><*ta- fa‘ -‘a-la* > | | Tiada |
| JK 6 | تَلَقَّى<br>// *talaqqā* // | | تَفَعَّى<br>< *tafa‘-‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 7 | تَقَوَّى<br>// *taqawwā* // | | تَفَعَّى<br>< *tafa‘-‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alī* |
| JK 8 | تَوَفَّى<br>// *tawaffā* // | | تَفَعَّى<br>< *tafa‘-‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alī* |

## b. Analisis Kata kerja Kala Kini Bagi Kod Wazan W 12 يَـتَـفَـعَّـلُ

**< *Yata* fa‘- ‘*a*-lu >**

Jadual 4.31 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod wazan W 12 يَـتَـفَـعَّـلُ

*< yata fa‘- ‘a-lu >*

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يَـتَـعَـلَّـمُ<br>*// yata'llamu //* | يَـتَـفَـعَّـلُ<br>*< yata fa‘- ‘a-lu >* | | Tiada |
| JK 2 | يَـتَـأَثَّـرُ<br>*//yata-'ath-tharu //* | يَـتَـفَـعَّـلُ<br>*< yata fa‘- ‘a-lu >* | | Tiada |
| JK 3 | يَـتَـرَدَّدُ<br>// **y***ataradadu* // | يَـتَـفَـعَّـلُ<br>*< yata fa‘- ‘a-lu >* | | Tiada |
| JK 4 | يَـتَـوَصَّـلُ<br>// *yatawaṣṣalu* // | يَـتَـفَـعَّـلُ<br>*< yata fa‘- ‘a-lu >* | | Tiada |
| JK 5 | يَـتَـطَـوَّعُ<br>// *yataṭawwa‘u* // | يَـتَـفَـعَّـلُ<br>*< yata fa‘- ‘a-lu >* | | Tiada |
| JK 6 | يَـتَـلَـقَّـى<br>// *yatalaqqā* // | | يَـتَـفَـعَّـى<br>*<yatafa‘- ‘ā >* | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 7 | يَـتَـقَـوَّى<br>// *yataqawwā* // | | يَـتَـفَـعَّـى<br>*<yatafa‘- ‘ā >* | Penukaran huruf ‘*illah* di |

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | | | | akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 8 | يَـتَـوَفَّــى<br>// **y** *atawaffā* // | | يَـتَـفَـعَّــى<br><*yatafa'-'ā* > | Penukaran huruf '*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |

## c. Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 12 تَـفَـعَّـلْ < *Ta-fa'-'al* >

Jadual 4.32 : Analisis kata kerja perintah bagi kod wazan W 12 تَـفَـعَّـلْ < *ta-fa'-'al* >

| Kod JK | KK Perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | تَـعَـلَّـمْ<br>// *ta'allam* // | تَـفَـعَّـلْ<br>< *Ta-fa'-'al* > | | Tiada |
| JK 2 | تَـأَثَّـرْ<br>//**ta**-*'ath-thar* // | تَـفَـعَّـلْ<br>< *Ta-fa'-'al* > | | Tiada |
| JK 3 | تَـرَدَّدْ<br>// *taraddad* // | تَـفَـعَّـلْ<br>< *Ta-fa'-'al* > | | Tiada |
| JK 4 | تَـوَصَّـلْ | تَـفَـعَّـلْ | | Tiada |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | *// tawaṣṣal //* | *< Ta-fa‘-‘al >* | | |
| JK 5 | تَـطَـوَّعْ<br>// **t***atawwa‘ //* | تَـفَـعَّـلْ<br>*< Ta-fa‘-‘al >* | | Tiada |
| JK 6 | تَـلَـقَ<br>*// talaqqa //* | | تَـفَـعٍّ<br>*< tafa‘-‘ā >* | Pengguguran huruf *‘illah* di akhiran |
| JK 7 | تَـقَـوَّ<br>*// taqawwa //* | | تَـفَـعٍّ<br>*< tafa‘-‘ā >* | Pengguguran huruf *‘illah* di akhiran |
| JK 8 | تَـوَ فَّ<br>*// tawaffa //* | | تَـفَـعٍّ<br>*< tafa‘-‘ā >* | Pengguguran huruf *‘illah* di akhiran |

Dari sudut morfologi , pembentukan kod wazan W 12 تَفَـعَّـلَ *< Ta-fa‘-‘a-la >* ini tidak melibatkan banyak perubahan pada sruktur susunan katanya kecuali sedikit perubahan kecil berlaku pada kod JK 3 ,JK 4 , JK 6 , JK 7 dan JK iaitu pengembalian huruf asal, penyuraian dan penukaran huruf.. Pengembalian huruf asal berlaku pada kod kata kerja JK 5 dalam jadual 4.30 , 4.31 dan 4.32 di atas seperti تَـطَـوَّعَ *// taÏawwa‘a //* **,** يَـتَـطَـوَّعُ *// yataṭawwa‘u //* **,** تَـطَـوَّعْ *// taṭawwa‘ //* . Huruf asal samada *wāw* atau *yā’* di sisipan pada kata akar طاع *// ṭā‘a //* dikembalikan supaya proses pembentukan tidak menjadi kabur dan sukar.

Penyuraian pula berlaku pada kod kata kerja JK 3 seperti تَرَدَّدَ // *taradada* //**,** يَتَرَدّدُ // *yataradadu* // **,** تَرَدَّدْ // *taraddad* // dalam jadual 4.30 , 4.31 dan 4.32 di atas. Penyuraian dua huruf yang sama jenis tersebut bagi memudahkan proses pembentukan wazan berkenaan .

Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* pada kata kerja kala lepas dan kata kerja kala kini dalam jadual 4.30 dan 4.31 yang masing-masing mewakili kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 . Penukaran tersebut kerana menyesuaikan harakah *fatḥah* huruf konsonan sebelumnya . Perbezaan wazan adalah تَفَعَّى < *tafa‘-‘ā* > dan يَتَفَعَّى < *yatafa‘‘ā* >.

Sementara pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran pada kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 bagi kata kerja perintah تَلَقَّ, تَقَوَّ dan تَوَفَّ dalam jadual 4.31 di atas adalah sebagai lambang *sukūn* bagi ‘*irab jazm* kata kerja perintah yang berakhir dengan huruf ‘*illah* .

Selain huruf ‘*illah* , huruf *tā’* imbuhan pada wazan kata kerja kala kini يَتَفَعَّلُ < ya*tafa‘alu* > juga boleh digugurkan atau dikekalkan untuk meringankan sebutan apabila didepani oleh huruf *tā’ muḍāri‘* contohnya تَتَمَيَّزُ // *tatamayyazu* // menjadi تَمَيَّزُ // *tamayyazu* // dan تَتَذَكَّرُ // *tatazakkaru* // menjadi تَذَكَّرُ // *tazakkaru* //. Perbezaan wazan adalah تَفَعَّلُ < *tafa‘‘alu* > seperti firman Allah Ta‘ala :

تَكَادُ تَمَيَّزُ مِنَ ٱلۡغَيۡظِۖ كُلَّمَآ أُلۡقِيَ فِيهَا فَوۡجٞ سَأَلَهُمۡ خَزَنَتُهَآ أَلَمۡ يَأۡتِكُمۡ نَذِيرٞ ﴿٨﴾

( *Hampir-hampir (neraka) itu terpecah-pecah lantaran marah. setiap kali dilemparkan ke dalamnya sekumpulan (orang-orang kafir), penjaga-penjaga (neraka itu) bertanya kepada mereka: "Apakah belum pernah datang kepada kamu (di dunia) seorang pemberi peringatan?")* al-Mulk ayat 8

( 4 )

**W 13 Imbuhan Separuh Kurungan : تَـفَـا عَـلَ < *Tafā-'ala* >**

Kata kerja تَـفَـا عَـلَ < *Ta – fā–'ala* > terbentuk daripada gabungan dua huruf imbuhan iaitu awalan *tā'* dan sisipan *alīf* dengan kata akar فَـعَـلَ < *fa'ala* > seperti ditunjukkan oleh contoh –contoh dalam jadual berikut :

**a. Analisis Kata kerja Kala Lepas Bagi Kod Wazan W 13 تَـفَـا عَـلَ < *Ta– fā–'ala* >**

Jadual 4.33 : Analisis kata kerja kala lepas imbuhan bagi kod wazan W 13 تَـفَـا عَـلَ < *ta – fā–'ala* >

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | تَـضَـا رَبَ<br>// taḍāraba // | تَـفَـاعَـلَ<br>< *ta–fā–'ala* > | | Tiada |
| JK 2 | تَـآ زَ فَ<br>// *ta'āzafa* // | | تَـآعَـلَ<br>< *ta-'ā-'ala* > | Penyerapan |

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 3 | تَحَابَّ<br>// *taḥābba* // | | <u>تَفَالَّ</u><br><u>< *tafālla*</u> > | Penyerapan |
| JK 4 | تَوَاصَلَ<br>// *tawāṣala* // | <u>تَفَاعَلَ</u><br><u>< *ta–fā–‘ala* ></u> | | Tiada |
| JK 5 | تَبَايَعَ<br>// *tabāya*‘a // | <u>تَفَاعَلَ</u><br><u>< *ta–fā–‘ala* ></u> | | Tiada |
| JK 6 | تَعَادَى<br>// *ta'ādā* // | | <u>تَفَاعَى</u><br><u>< *tafā*‘*ā*</u> > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 7 | تَسَاوَى<br>// *tasāwā* // | | <u>تَفَاعَى</u><br><u>< *tafā*‘*ā* ></u> | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 8 | تَوَارَى<br>// *tawārā* // | | <u>تَفَاعَى</u><br><u>< *tafā‘ā* ></u> | penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |

**b. Analisis Kata kerja Kala Kini Bagi Kod Wazan W 13 <u>يَـتَـفَـاعَـلُ</u>**

**<u><Yata –fā –‘alu ></u>**

Jadual 4.34 : Analisis kata kerja kala kini bagi kod wazan W 13 <u>يَـتَـفَـاعَـلُ</u>

<u>< *yata –fā–‘alu* ></u>

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يَـتَـضَـا رَبُ<br>// *yataḍārabu* // | <u>يَـتَـفَـاعَـلّ</u><br><u>< *yata–fā–‘alu* ></u> | | Tiada |
| JK 2 | يَـتَـآ زَ فُ<br>// *yata’āzafu* // | | <u>يَـتَآعَـلُ</u><br><u>< *yata’ā‘alu*</u> > | Penyerapan |
| JK 3 | يَـتَـحَـابُّ<br>// *yataḥābbu* // | | <u>يَـتَـفَـالُّ</u><br><u>< *yatafāllu*</u> > | Penyerapan |
| JK 4 | يَـتَـوَ اصَـلُ<br>// *yatawāṣala* // | <u>يَـتَـفَـاعَـلّ</u><br><u>< *yata–fā–‘alu* ></u> | | Tiada |
| JK 5 | يَتَبَايَعُ<br>// *yatabāya*‘a // | <u>يَـتَـفَـاعَـلّ</u><br><u>< *yata–fā–‘alu* ></u> | | Tiada |
| JK 6 | يَـتَـعَـا دَى<br>// *yata***‘***ādā* // | | <u>يَـتَـفَـاعَـى</u><br><u>< *yatafā‘ā* ></u> | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 7 | يَـتَـسَـا وَى<br>// *yatasāwā* // | | <u>يَـتَـفَـاعَـى</u><br><u>< *yatafā‘ā* ></u> | Penukaran huruf ‘*illah* |

| Kod JK | KK kala kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | | | | di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 8 | يَتَوَارَى<br>// *yatawārā* // | | يَتَفَاعَى<br>< *yatafā‘ā* > | Penukaran huruf *‘illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |

**c. Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 13 تَفَاعَلْ**

**< *Ta – fā –‘al* >**

Jadual 4.35 : Analisis kata kerja perintah bagi kod wazan W 13 تَفَاعَلْ < *Ta– fā–‘al* >

| Kod JK | KK perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | تَضَارَبْ<br>// *taḍārub* // | تَفَاعَلْ<br>< *ta – fā–‘al* > | | Tiada |
| JK 2 | تَآزَفْ<br>// *ta’āzaf* // | | تَآعَلْ<br>< *ta-’ā-‘al* > | Penyerapan |
| JK 3 | تَحَابَّ | | تَفَالَّ | Penyerapan |

| Kod JK | KK perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| | *// taḥābba //* | | < *tafālla* > | |
| JK 4 | تَوَاصَلْ<br>//**t***awāṣal* // | تَفَاعَلْ<br>< *ta – fā– ‘al* > | | Tiada |
| JK 5 | تَبَايَعْ<br>// *tabāya*‘ // | تَفَاعَلْ<br>< *ta – fā– ‘al* > | | Tiada |
| JK 6 | تَعَادَ<br>// *taādā* // | | تَفَاعَ<br>< *tafā*‘*a* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| JK 7 | تَسَاوَ<br>// *tasāwā* // | | تَفَاعَ<br>< *tafā‘a* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| JK 8 | تَوَارَ<br>// *tawārā* // | | تَفَاعَ<br>< *tafā*‘*a* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |

Analisis pembentukan kata kerja imbuhan wazan تَفَاعَلَ < *ta – fā –‘ala* > dalam jadual 4.33.,4.34 dan 4.35 di atas , menunjukkan berlaku perubahan kecil pada kod kata kerja JK 2, JK 3 , JK 5 ,Jk 6 ,JK 7 dan JK 8 . Perubahan tersebut melibatkan pengembalian , penyerapan , penukaran dan pengguguran huruf . Manakala bagi kod JK 1 dan JK 4 tidak melibatkan sebarang perubahan pada struktur kata dan wazan kata akar tersebut .

Pengembalian huruf berlaku pada kod JK 5 apabila huruf sisipan pada kata akar terpaksa dilakukan agar pembentukkannya menjadi lurus dan betul . Jika tidak , kata kerja yang dibentuk akan menjadi kabur dan tidak betul seperti قَـــالَ dan بَـا عَ akan menjadi تَقَـاوَل dn تَـبَـايَعَ bukannya تَقَـآلَ dan تَـبَـآعَ .

Penyerapan huruf pula berlaku pada kod JK 2 dan kod JK 3 bagi semua kategori kata kerja . Penyerapan pada kod JK 2 berlaku antara huruf *hamzah* awalan kata akar dan *alīf* imbuhan seperti kata kerja kala lepas تَـآزَفَ , kata kerja kala kini يَتَـآزَفُ dan kata kerja perintah تَـآزَفْ . Perbezaan wazan adalah تَـآعَلَ < *ta-'ā-'ala* > , يَتَـآعَلُ < *yata-'ā-'alu* > dan تَـآعَلْ < *ta-'ā-'al* > . Penyerapan pada kod JK 3 pula antara huruf kedua dan ketiga kata akar yang sama jenis seperti kata kerja kala lepas تَـحَـابَّ , kata kerja kala kini يَتَـحَـابُّ dan kata kerja perintah تَـحَـابَّ . Perbezaan wazan adalah تَـفَـالَّ < *tafā-lla* >, يَتَـفَـالُّ < *yatafā-lla* > dan تَـفَـالَّ < *tafā-lla* >,

Penukaran huruf '*illah* berlaku di akhiran kerja kala lepas dan kata kerja kala kini pada kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 dalam jadual 4.33 dan 4.34 di atas . Huruf '*illah* ditukar kepada huruf *alīf* pada kerja kala lepas تَـعَـادَى , تَـسَـاوَى , تَـوَارَى dan kata kerja kala kini يَـتَـعَـادَى , يَتَـسَـاوَى , يَـتَـوَارَى kerana menyesuaikan harakah *fatḥah* huruf konsonan sebelumnya . Perbezaan wazan adalah تَـفَـاعَـى < *tafā-'ā* > dan يَـتَـفَـاعَـى < *yatafā-'ā* >.

Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran kata kerja perintah kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 contohnya تَـعَـا دَ , تَـسَـا وَ dan تَـوَ ا رَ dalam jadual 4.35 di atas adalah sebagai sebagai lambang *sukūn* bagi ‘*irab jazm* kata kerja perintah yang berakhir dengan huruf ‘*illah* . Perbezaan wazan adalah تَـفَـا عَ < *tafā-‘a* >.

Selain itu , kadang kala terdapat juga huruf *tā’* imbuhan pada wazan kata kerja < *ta fā‘ala* > digugurkan untuk meringankan sebutan apabila didepani oleh huruf *tā’ muḍāri*‘ ketika bergandingan dengan *ḍamīr* diri kedua dan ketiga seperti تَـتَـحَـاضُّـونَ // *tataḥāḍḍūna* // menjadi تَـحَـاضُّـونَ // *taḥāḍḍūna* // . Perbezaan wazan adalah تَـفَـالُّـوْنَ < *tafĀllūna* > seperti firman Allah Taala :

وَلَا تَحَٰٓضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلۡمِسۡكِينِ ﴿١٨﴾

*Dan kamu tidak saling mengajak memberi makan orang miskin,*
Surah al-Fajr : 18

Demikin juga terdapat huruf *tā’* imbuhan pada wazan kata kerja < *ta fā‘ala* > ditukar kepada huruf *dāl* apabila awalan kata akar adalah huruf *dāl* . Kemudian diikuti dengan pengimbuhan huruf *hamzah waṣal* kerana awalan kata akar berharakah *sukūn* setelah berlaku proses penyerapan pada huruf *dāl* seperti kata kerja اِدَّارَأْتُـمْ dalam firman Allah Ta‘ala :

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَادَّارَأْتُمْ فِيهَا ۖ وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾

*Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia lalu kamu saling tuduh menuduh tentang itu. dan Allah hendak menyingkapkan apa yang selama Ini kamu sembunyikan.*

Surah al-Baqarah 1:72

**( 5 )**

**W 14 Imbuhan Kurungan** : **<u>اِفْعَلَّ < *If -‘al-la* ></u>**

Wazan kata kerja <u>اِفْعَلَّ < *if -‘al-la*</u> > terbentuk apabila apitan atau imbuhan kurungan yang terdiri daripada imbuhan *hamzah* awalan dan penggandaan huruf akhiran bergabung dengan kata akar فَعَلَ < *fa‘ala* > . Penyerapan huruf akhir kata akar ke dalam huruf imbuhan akhiran dari jenis huruf yang sama dapat dilihat telah berlaku di akhiran kata kerja ini . Apitan ini tidak popular berbanding dengan imbuhan-imbuhan sebelumnya dan kebiasaannya ia membawa maksud warna dan kecacatan seperti :

| | KK Kala Lepas | KK Kala Kini | |
|---|---|---|---|
| i | اِحْمَرَّ // *iḥmarra //* | يَحْمَرُّ | // *yaḥmarru* // |
| ii | اِخْضَرَّ // *ikhḍa rra* // | يَخْضَرُّ | // yakh*ḍarru* // |
| iii | اِعْوَرَّ // *i‘warra* // | يَعْوَرُّ | // ya*‘warru* // |
| iv | اِحْوَلَّ // *iḥwalla* // | يَحْوَرُّ | // *yaḥwarru* // |

### 4.2.1.3 Analisis Wazan Kata kerja *Thulāthiy Mazīd* Tiga Huruf

Wazan **k**ata kerja *thulāthiy mazīd* tiga huruf terbentuk daripada proses pengimbuhan tiga jenis imbuhan tiga huruf pada kata akar . Tiga jenis imbuhan itu ialah :

a) Awalan :

i *Hamzah waṣal ,Sīn* dan *Tā’* = اِسْتَفْعَلَ < ***Ist**af- ‘ala* >

b) Separuh Kurungan :

i Awalan *hamzah waṣal ,* sisipan ‘*ain* dan sisipan *wāw* = اِفْعَوْعَلَ < *If-‘a**w** – ‘ala* >

ii Awalan *hamzah waṣal* dan penggandaan *wāw* di sisispan = اِفْعَوَّلَ < *If –‘aw-wala* >

c) Kurungan :

*i* Awalan *hamzah waṣal* dan penggandaan *lām* di akhiran = اِفْعَالَّ < *If - ‘āl- la* >

( 1 )

**W 15 Imbuhan Awalan** : **اِسْتَفْعَلَ < *Istaf- ‘ala* >**

Wazan kata kerja اِسْتَفْعَلَ < *istaf- ‘ala* > terbentuk daripada gabungan tiga huruf imbuhan iaitu *hamzah waṣal* , *sīn* dan *tā’* < *ista* > di awalan kata akar فَعَلَ < *fa‘ala* > dan ia boleh wujud dalam semua kategori kod kata kerja . Awalan jenis ini sangat popular dan proses pembentukannya tidak banyak melibatkan perubahan pada struktur katanya seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah :

**a. Analisis Kata kerja Kala lepas Bagi Kod Wazan W 15 اِسْتَفْعَلَ**
**< *Istaf- ‘ala* >**

Jadual 4.36 : Analisis kata kerja kala lepas اِسْتَفْعَلَ < *istaf- ‘ala* >

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | اِسْتَفْهَمَ<br>// *istafhama* // | اِسْتَفْعَلَ<br>< *istaf- ‘ala* > | | Tiada |
| JK 2 | اِ سْتَأ جّرَ<br>// *ista’jara* // | اِسْتَفْعَلَ<br>< *istaf- ‘ala* > | | |
| JK 3 | سْتَمَدَّ<br>// *istamadda* // | | اِسْتَفَلَّ<br>< *istafalla* > | Penyerapan |
| JK 4 | اِسْتَوْقَفَ<br>// *istawqafa* // | اِسْتَفْعَلَ<br>< *istaf- ‘ala* > | | Tiada |

| Kod JK | KK kala lepas | Persamaan | Perbezaan | Faktor perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 5 | اِسْتَقَامَ<br>// *istaqāma* // | | اِسْتَفَالَ<br>< *istafāla* > | Penukaran huruf ‘*illah* di sisipan kepada huruf *alīf* dan pengalihan harakah |
| JK 6 | اِسْتَرْضَى<br>// *istarḍā* // | | اِسْتَفْعَى<br>< *istaf ‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 7 | اِسْتَهْوَى<br>// *istahwā* // | | اِسْتَفْعَى<br>< *istaf* ‘ā > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |
| JK 8 | اِسْتَوْصَى<br>// *istawṣā* // | | اِسْتَفْعَى<br>< *istaf ‘ā* > | Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* |

**b. Analisis Kata kerja Kala Kini Bagi Kod Wazan W 15 يَسْتَفْعِلُ**

**< yastaf- 'ilu >**

Jadual 4.37 :Analisis kata kerja kala kini يَسْتَفْعِلُ < *yastaf- 'ilu* >

| Kod JK | KK Kala Kini | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | يَسْتَفْهِمُ<br>// y*astafhimu* // | يَسْتَفْعِلُ<br>< *yastaf 'ilu* > | | Tiada |
| JK 2 | يَسْتَأْجِرُ<br>// y*asta'jiru* // | يَسْتَفْعِلُ<br>< *yastaf 'ilu* > | | Tiada |
| JK 3 | يَسْتَمِدُّ<br>// *yastamiddu* // | | يَسْتَفِلُّ<br><*yastafillu* > | Penyerapan |
| JK 4 | يَسْتَوْقِفُ<br>// y*astawqifu* // | يَسْتَفْعِلُ<br>< *yastaf 'ilu* > | | Tiada |
| JK 5 | يَسْتَقِيْمُ<br>// *yastaqīmu* // | | يَسْتَفِيْلُ<br>< *yastafīlu* > | Penukaran huruf '*illah* di sisipan kepada huruf *yā'* dan pengalihan harakah |
| JK 6 | يَسْتَرْضِي<br>// y*astarḍī* // | | يَسْتَفْعِيْ<br>< *yasta'ī* > | Penukaran huruf '*illah* di akhiran kepada |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | huruf *yā’’* |
| JK 7 | يَسْتَهْوِي<br>// y*astahwī* // | | يَسْتَفْعِيْ<br>< *yasta‘ī* > | Penukaran huruf *‘illah* di akhiran kepada huruf *yā’’* |
| JK 8 | يَسْتَوْصِي<br>// y*astawṣī* // | | يَسْتَفْعِيْ<br>< *yasta‘ī* > | Penukaran huruf *‘illah* di akhiran kepada huruf *yā’’* |

**c. Analisis Kata kerja Perintah Bagi Kod Wazan W 15 اِسْتَفْعِلْ**
**< *Istaf- ‘il* >**

Jadual 4.38 : Analisis kata kerja perintah اِسْتَفْعِلْ < *istaf- ‘il* >

| Kod JK | KK Perintah | Persamaan | Perbezaan | Faktor Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JK 1 | اسْتَفْهِمْ<br>// *istafhim* // | اِسْتَفْعِلْ<br>< *istaf- ‘il* > | | Tiada |
| JK 2 | اِسْتَأْجِرْ<br>// *ista’jir* // | اِسْتَفْعِلْ<br>< *istaf- ‘il* > | | Tiada |
| JK 3 | اسْتَمِدَّ / اِسْتَمْدِدْ<br>// *istamdid* // , | اِسْتَفْعِلْ<br>< *istaf- ‘il* > | اِسْتَفِلَّ<br>< *istafilla* > | Penyerapan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | *// istamidda //* | | | |
| JK 4 | اِسْتَوْقِفْ<br>*// istawqif //* | اِسْتَفْعِلْ<br>< *istaf- ‘il* > | | Tiada |
| JK 5 | اِسْتَقِمْ<br>*// istaqim //* | | اِسْتَفِلْ<br>< *istafil* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di sisipan dan pengalihan harakah |
| JK 6 | اِسْتَرْضِ<br>// *istarḍi* // | | اِسْتَفْعِ<br>< *istaf ‘i* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| JK 7 | سْتَهْوِ<br>// *istahwi* // | | اِسْتَفْعِ<br>< *istaf ‘i* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |
| JK 8 | اِ سْتَوْ صِ<br>// *istawṣi* // | | اِسْتَفْعِ<br>< *istaf ‘i* > | Pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran |

Analisis pembentukan kata kerja اِسْتَفْعَلَ < *istaf- ‘ala* > dalam jadual 4.36, 4.37 dan 4.38 di atas , menunjukkan bahawa terdapat empat bentuk perubahan yang berlaku kesan daripada penggabungan imbuhan < *ista* > di awalan kata akar iaitu penukaran , pengalihan harakah , penyerapan dan pengguguran huruf .

Penukaran huruf ‘*illah* kepada huruf *alīf* dan pengalihan harakah *fatḥah* huruf kedua kata akar kepada huruf sebelumnya berlaku pada kata kerja kala lepas bagi kod JK 5 seperti اسْتَقَامَ // *istaqāma* // ( pola asalnya ialah اِسْتَقْوَمَ // *istaqwama* // ) dalam jadual 4.36 di atas . Perbezaan wazan adalah اِسْتَفَالَ < *istafāla* >.

Penukaran huruf ‘*illah* kepada huruf *yā’* dan pengalihan harakah *kasrah* huruf kedua kata akar kepada huruf sebelumnya pula berlaku pada kata kerja kala kini bagi kod JK 5 seperti يَسْتَقِيْمُ // *yastaqīmu* // ( pola asalnya ialah يَسْتَقْوِمُ *// yastaqwimu // )* dalam jadual 4.37 di atas . Perbezaan wazan adalah يَسْتَفِيْلُ < *yastafīlu* > .

Penukaran huruf ‘*illah* di akhiran kepada huruf *alīf* pada kata kerja kala lepas dan kepada huruf *yā’* pada kata kerja kala kini juga berlaku pada kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 dalam jadual 4.36 dan 4.37. Penukaran huruf ‘*illah* tersebut kerana menyesuaikan harakah *fatḥah* dan *kasrah* huruf konsonan sebelumnya . Perbezaan wazan adalah اِسْتَفْعَى < *istaf ‘ā* > bagi kata kerja kala lepas dan يَسْتَفْعِيْ. < *yastaf ‘ī* > bagi kata kerja kala lepas .

Penyerapan huruf pula dapat dilihat berlaku pada jenis kod JK 3 dalam semua kategori kata kerja seperti اسْتَمِدَّ // *istamidda* // يَسْتَمِدُّ // *yastamiddu* // dan اسْتَمِدَّ // *istamidda* // . Perbezaan wazan adalah اِسْتَفَلَّ < *istafalla* > , يِسْتَفِلُّ < *yastafillu* > , اِسْتَفِلَّ. < *istafilla* > .

Pengguguran huruf ‘*illah* pula dapat dilihat berlaku pada kata kerja perintah bagi jenis kod JK 5 , JK 6 , JK 7 dan Jk 8. Pengguguran huruf ‘*illah* pada kata akar kedua kod JK 5 bagi mengelak pertemuan dua harakah *sukūn* secara berturut-turut seperti اِسْتَقِمْ // *istaqim* // ( pola asalnya ialah اِسْتَقِيْمُ // *istaqīmu* // ) dalam jadual *4.38* . Perbezaan wazan adalah اِسْتَفِلْ < *istafil* > . Manakala pengguguran huruf ‘*illah* di akhiran kod JK 6 , JK 7 dan JK 8 pula kerana menjadi lambang *sukūn* kepada *‘irāb jazm* bagi kata kerja perintah yang berakhir dengan huruf ‘*illah*. Perbezaan wazan adalah اِسْتَفْعِ < *istaff‘i* >.

( 2 )

W 16 **Imbuhan Separuh kurungan اِفْعَوْعَلَ: < *If-‘aw – ‘ala* >**

Wazan kata kerja اِفْعَوْعَلَ: < *if-‘aw–‘ala* > jenis ini terbentuk hasil dari gabungan tiga huruf imbuhan iaitu awalan *hamzah waṣal* , sisipan ‘*ain* dan sisipan *wāw* pada kata akar فَعَلَ < *fa‘ala* > . Wazan kata kerja imbuhan separuh kurungan ini kurang popular dan sukar ditemui dalam pertuturan atau penulisan . Kehadirannya membawa maksud penegasan dan kekerapan . Contoh kata kerja yang menggunakan imbuhan jenis ini adalah seperti berikut :

| | KK Kala Lepas | KK Kala Kini | KK Perintah |
|---|---|---|---|
| i | اِعْشَوْشَبَ<br>// *i‘shawshaba* // | يَعْشَوْشِبُ<br>// *ya‘shawshabu* // | اِعْشَوْشِبْ<br>// *i’shawshab* // |
| ii | اِغْدَوْدَنَ<br>// *ighdawdana* // | يَغْدَوْدِنُ<br>// *yaghdawdinu* // | اِغْدَوْدِنْ<br>// *ighdawdin* // |

| | | | |
|---|---|---|---|
| iii | اِخْشَوْشَبَ<br>// *ikhshawsyaba* // | يَخْشَوْشِبُ<br>// *yakhshawshibu* // | اِخْشَوْشِبْ<br>// *ikhshawshib* // |
| iv | اِحْلَوْلَى<br>// *iḥlawlā* // | يَحْلَوْلِي<br>// *yaḥlawlī* // | اِحْلَوْلِ<br>// *iḥlawli* // |
| v | اِذْلَوْلَى<br>// *idlawlā* // | يَذْلَوْلِي<br>// *yadlawlī* // | اِذْلَوْلِ<br>// *idlawli* // |

**( 3 )**

**W 17 Imbuhan Separuh kurungan** : **اِفْعَوَّلَ < *If –'aw-wala* >**

Imbuhan separuh kurungan jenis اِفْعَوَّلَ < *If –'aw-wala* > ini terdiri daripada awalan *hamzah waṣal* dan penggandaan huruf *wāw* imbuhan pada sisipan selepas huruf kedua pada kata akar . Kata kerja jenis ini tidak popular dan wujud hasil daripada keperluan menyatakan makna khusus bagi sesuatu perbuatan . Contoh kata kerja jenis ini adalah seperti berikut :

| | KK Kala Lepas | KK Kala Kini | KK Perintah |
|---|---|---|---|
| i | اِجْلَوَّذَ // *ijlawwadha* // | يَجْلَوِّذُ // *yajlawwidhu* // | اِجْلَوِّذْ // *ijlawwidh* // |
| ii | اِعْلَوَّطَ // *i'lawwaṭa* // | يَعْلَوِّطُ // *ya'lawwiṭu* // | اِعْلَوِّطْ // *i'lawwiṭ* // |

**( 4 )**

**W 18 Imbuhan kurungan : <u>اِفْعَالَّ < *If -‘al-la* ></u>**

Imbuhan kurungan jenis <u>اِفْعَالَّ < *If -‘al-la*</u> > ini juga sudah tidak popular dan terbentuk daripada gandingan imbuhan *hamzah waṣal* di awalan , *alīf* di sisipan selepas huruf kedua kata akar dan penggandaan huruf akhir kata akar. Kata kerja jenis ini kebiasaanya menunjukkan makna melampau pada jenis warna seperti dalam contoh-contoh berikut :

| | KK Kala Lepas | KK Kala Kini | KK Perintah |
|---|---|---|---|
| i | اِقْطَارَّ // *iqṭārra* // | يَقْطَارُّ // *yaqṭārru* // | اِقْطَارَّ // *iqṭārra* // |
| ii | اِبْهَارَّ // *ibhārra* // | يَبْهَارُّ // *yabhārru* // | اِبْهَارَّ // *ibhārra* // |
| iii | اِخْضَارَّ // *ikhḍārra* // | يَخْضَارُّ // *yakhḍārru* // | اِخْضَارَّ // *ikhḍārra* // |
| iv | اِرْزَاقَّ // *irzāqqa* // | يَرْزَاقُّ // *yarzāqqu* // | اِرْزَاقَّ // *irzāqqa* // |
| v | اِحْمَارَّ // *iḥmārra* // | يَحْمَارُّ // *yaḥmārru* // | اِحْمَارَّ // *iḥmārra* // |

Selain dari wazan-wazan yang disebutkan di atas , terdapat pula beberapa wazan kata kerja *thulāthiy mazīd* lain yang tidak popular dan hampir tidak kedengaran dalam penulisan dan pertuturan ( Fakhruddin Qabāwah , 1988 : 98-103 ). Para sarjana Arab mengkategorikan wazan-wazan tersebut sebagai *mulḥāq* ( مُلْحَقٌ ). Antara wazan–wazan yang dimaksudkan itu adalah :

1. فَيْعَلَ < *fay‘ala* > : بَيْطَرَ, هَيْمَنَ, سَيْطَرَ
2. فَوْعَلَ < *faw‘ala* > : هَوْجَلَ , جَوْرَبَ, حَوْقَلَ
3. فَعْوَلَ < *fa‘wala* > : شَعْوَذَ, سَرْوَلَ, هَرْوَلَ
4. تَفَعْلَلَ < *tafa‘lala* > : تَمَعْدَدَ , تَجَلْبَبَ
5. تَفَيْعَلَ < *tafay‘ala* > : تَفَيْهَقَ , تَشَيْطَنَ
6. تَمَفْعَلَ < *tamaf‘ala* > : تَمَنْدَلَ , تَمَشْيَخَ , تَمَسْكَنَ
7. اِفْعَوْعَلَّ < *if-‘aw-‘alla* > : اِكْوَأَلَّ
8. اِفْعَنْلأَ < *if-‘an-la’a* > : اِحْبَنْطَأَ,
9. اِفْعَنْلَى < *if-‘an-lā* > : اِسْلَنْقَى , اِحْرَنْبَى
10. اِفْعَلَلَّ < *if‘alalla* > : اِسْوَدَدَّ , اِبْيَضَضَّ

### 4.2.2 Pengimbuhan Kata kerja *Rubā‘iy Mazīd*

Kata kerja *Rubā‘iy Mazīd* hanya terdiri daripada dua jenis imbuhan sahaja seperti berikut :

1. Imbuhan satu huruf
2. Imbuhan dua huruf

#### 4.2.2.1 Analisis Wazan *Rubā‘iy Mazīd* Satu Huruf

Wazan Kata kerja *Rubā‘iy Mazīd* satu huruf terdiri daripada satu bentuk sahaja iaitu pengimbuhan huruf *tā’* di awalan kata kerja W 20 <u>تَفَعْلَلَ</u> <u>< *Tafa‘lala* ></u> . Wazan ini kebiasaannya dikhususkan kepada kata kerja lāzim sahaja seperti contoh berikut :

| | KK Kala Lepas | KK Kala Kini | KK Perintah |
|---|---|---|---|
| i | تَدَحْرَجَ // *tadaḥraja* // | يَتَدَحْرَجُ // *yatadaḥraju* // | تَدَحْرَجْ // *tadaḥraj* // |
| ii | تَبَعْثَرَ // *taba‘thara* // | يَتَبَعْثَرُ // *yataba‘tharu* // | تَبَعْثَرْ // *taba‘thar* // |
| iii | تَمَلْمَلَ // *tamalmal* // | يَتَمَلْمَلُ // *yatamalmalu* // | تَمَلْمَلْ //*tamalmal* // |
| iv | تَبَرْقَعَ // *tabarqa‘a* // | يَتَبَرْقَعُ // *yatabarqa‘u* // | تَبَرْقَعْ // *tabarqa‘* // |

#### 4.2.2.2 Analisis Wazan *Rubā‘iy Mazīd* Dua Huruf

Kata kerja *Rubā‘iy Mazīd* dua huruf ini terdiri daripada dua jenis wazan sahaja . Kedua-duanya terbentuk melalui proses pengimbuhan dua jenis huruf pada kata akar iaitu :

**( 1 )**

**W 21** **اِفْـعَـنْـلَـلَ < *If-'an –lala* >**

Wazan kata kerja اِفْـعَـنْـلَـلَ < *If-'an –lala* > ini terbentuk daripada imbuhan awalan dan sisipan iaitu awalan *hamzah waṣal* dan sisipan *nūn* selepas huruf kedua kata akar ( Zainul Kāmil al-Khuwaiskiy ,1983 ) seperti contoh di bawah :

| KK Kala Lepas | KK Kala Kini | KK Perintah |
|---|---|---|
| 1. اِحْـرَنْجَـمَ //*iḥranjama* // | يَـحْـرَنْـجِـمُ // *yaḥranjimu* // | اِحْـرَنْـجِـمْ // *iḥranjim* // |
| 2. اِفْـرَنْـقَـعَ // *ifranqa'a* // | يَـفْـرَنْـقِـعُ // *yafranqi'u* // | اِفْـرَنْـقِـعْ // *ifranqi'* // |

**( 2 )**

**W 22** **اِفْـعَـلَّـلَ < *If -'a - lal-la* >**

Wazan kata kerja اِفْـعَـلَّـلَ < *If -'a - lal-la* > ini terbentuk daripada imbuhan kurungan iaitu awalan *hamzah waṣal* dan penggandaan huruf *lām* di akhiran . Menurut Ibn Jinniy ( t.t :91 ) wazan asal اِفْـعَـلَّـلَ < *If -'a - lal-la* adalah اِفْـعَـلْـلَـلَ < *if'al-lala* >. Harakah huruf *lām* kedua dialihkan kepada huruf *lām* pertama sebelumnya yang berharakah *sukūn*. Kemudian huruf *lām* kedua diserapkan ke dalam huruf *lām* ketiga kerana pertembungan dua huruf sejenis yang berharakah seperti contoh berikut:

KK Kala Lepas KK Kala Kini KK Perintah

1. اِطْـمَـأَنَّ // iṭma’anna// يَـطْـمَـئِـنُّ // yaṭma’innu // اِطْـمَـئِـنْ // iṭma’in //
2. اِقْشَـعَـرَّ // iqsha ‘arra // يَـقْـشَـعِـرُّ // yaqsha ‘irrab // اِقْشَـعِـرَّ //iqsha‘irra //
3. اِكْـفَـهَـرَّ // ikfahirra // يَـكْـفَـهِـرُّ // yakfahirru // اِكْـفَـهِـرَّ // ikfahirra //

## 4.3 Kata kerja Aktif dan Pasif

Struktur ayat dalam bahasa Arab terdiri daripada ayat aktif dan ayat pasif . Struktur ayat aktif adalah *Perbuatan* + *Pelaku* + *Objek* dan struktur ayat pasif adalah *Perbuatan* + *Objek* atau O*bjek* + *Perbuatan* . Berdasarkan itu, kata kerja jika ditinjau dari sudut susunan ayat terbahagi kepada kata kerja aktif dan kata kerja pasif seperti dalam jadual di bawah :-

Jadual 4.39 : Perbezaan antara kata kerja aktif dan kata kerja pasif

| Objek | Pelaku | Kata Kerja | Jenis Kata Kerja |
|---|---|---|---|
| البَيْتَ | مُـحَـمَّـدٌ | فَـتَـحَ | Aktif |
| الـبَيْتُ | Digugurkan | فُـتِـحَ | Pasif |

### 4.3.1 Jadual Wazan Kata kerja Aktif Dan Kata kerja Pasif

Jadual 4.40 : Wazan kata kerja aktif dan kata kerja pasif

| Kata kerja kala kini | | Kata kerja kala lepas | | Kata kerja |
|---|---|---|---|---|
| Pasif | Aktif | Pasif | Aktif | |
| يُفْعَلُ | يَفْعَلُ | فُعِلَ | فَعَلَ | المجَرَّد |
| يُفَعْلَلُ | يُفَعْلِلُ | فُعْلِلَ | فَعْلَلَ | |
| يُفْعَلُ | يُفْعِلُ | أُفْعِلَ | أَفْعَلَ | |
| يُفَعَّلُ | يُفَعِّلُ | فُعِّلَ | فَعَّلَ | |
| يُفَاعَلُ | يُفَاعِلُ | فُوْعِلَ | فَاعَلَ | |
| يُتَفَعَّلُ | يَتَفَعَّلُ | تُفُعِّلَ | تَفَعَّلَ | |
| يُتَفَاعَلُ | يَتَفَاعَلُ | تُفُوْعِلَ | تَفَاعَلَ | |
| يُفْتَعَلُ | يَفْتَعِلُ | أُفْتُعِلَ | اِفْتَعَلَ | المَزِيْدُ |
| يُنْفَعَلُ | يَنْفَعِلُ | أُنْفُعِلَ | اِنْفَعَلَ | |
| ...... | يَفْعَلُّ | ..... | اِفْعَلَّ | |
| يُسْتَفْعَلُ | يَسْتَفْعِلُ | أُسْتُفْعِلَ | اِسْتَفْعَلَ | |
| يُفْعَوْعَلُ | يَفْعَوْ عِلُ | أُفْعُوْعِلَ | اِفْعَوْعَلَ | |

### 4.3.2 Analisis Pembentukan Wazan Kata kerja Pasif

Kata kerja pasif boleh dibentuk melalui kaedah –kaedah seperti yang di tunjukkan dalam jadual di bawah :

#### 4.3.2.1 Kaedah Pembentukan Kata kerja Pasif Bagi Kala Lepas

Jadual 4.41 : Pembentukan kata kerja pasif kala lepas

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 3 | 2 | 1 |
| | | 4 | 3 | 2 | 1 |
| | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 |
| 6 | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 |

Angka-angka dalam jadual 4.41 di atas boleh memberi gambaran jelas mengenai pembentukan kata kerja pasif kala lepas . Angka ( 1 ) mewakili huruf pertama kata kerja dalam semua kategori samada kata kerja *mujarrad* atau pun *mazīd* diubah kepada harakah *ḍammah*. Angka **(** 2,3,4 dan 5 ) yang bergaris di bawah mewakili huruf yang kedua sebelum akhir ditanda dengan harakah *kasrah* ( Muḥammad ‘Abdul Khālid ‘Uḍaīmat 1962 : 72 ).

Manakala huruf kedua kata kerja *mazīd* dua huruf bagi tiap-tiap wazan yang dimulai dengan huruf *ta’* seperti تَفَعَّلَ < *tafa‘‘ala* > dan تَفَاعَلَ < *tafā‘ala* > pula ditanda dengan harakah *ḍammah*” seperti تُفُعِّلَ < *tu fu‘ ‘ila* > dan تُفُوْعِلَ < *tufū ‘ila* > .

Huruf *alīf* imbuhan pada huruf kedua seperti فَاعَلَ < *fā‘ala* > atau ketiga seperti تَفَاعَلَ < *tafā‘ala* > ditukarkan kepada huruf *wāw* فُوْعِلَ < *fū‘ila* > dan تُفُوْعِلَ < *tufū‘ila* > .

Manakala huruf ketiga bagi wazan kata kerja *mazīd* اِنْفَعَلَ < *infa*‘*ala* > اِفْتَعَلَ < *ifta‘ala* > , اِسْتَفْعَلَ < *istaf‘ala* > dan اِفْعَوْعَلَ < *if‘aw ‘ala* > ditandakan dengan harakah *ḍammah* seperti اُنْفُعِلَ <‘*unfu ‘ila* > , اُفْتُعِلَ < *uftu‘ila* >, اُسْتُفْعِلَ <*’ustuf ‘ila* > dan اُفْعُوْعِلَ < u*f ‘ū‘ila* > ( Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy t.t : 39 **)**. Contoh –contoh bagi setiap jenis wazan di atas adalah seperti berikut :

| | | | |
|---|---|---|---|
| i | تُـفُـعِّـلَ < *tufu’ ‘ila*> | : | تُعُـلِّمَ |
| ii | تُـفُـوْعِـلَ < *tufū ‘ila* > | : | تُـنُـوْدِيَ |
| iii | أُنْـفُـعِـلَ < *unfu‘ila* > | : | أُنْكُسِرَ |
| iv | أُفْـتُـعِـلَ < *uftu ‘ila* > | : | ابْـتُـدِئَ |
| v | أُ سْـتُـفْـعِـلَ < *ustuf ‘ila* > | : | أُسْتُشْهِدَ |
| vi | أُفْـعُـوْ عِـلَ < *uf ‘ū ‘ila* > | : | أُعْشُوْشِبَ . |

Huruf ‘*illah* di sisipan pada kata kerja *thulathiy mujarrad* yang berada dalam kategori kod JK 5 ditukarkan kepada huruf *ya’* dan harakah huruf konsonan sebelumnya ditukar kepada harakah *kasrah* ( Ibn Jinniy , t.t : 294 ). Perbezaan wazan adalah فِـيْـلَ < *fīla* > seperti contoh berikut :

| | Kata kerja aktif | | Kata kerja pasif |
|---|---|---|---|
| i | قَـالَ | menjadi | قِـيْـلَ // *qīla* // |
| ii | صَـامَ | menjadi | صِـيْمَ // *ṣīma* // |
| iii | اِحْـتَـاجَ | menjadi | أُحْـتِـيْجَ // *uḥtīja* // |
| iv | اِخْـتَـارَ | menjadi | أُخْـتِـيْـرَ // *ukhtīra* // |
| v | اِسْتَـجَـابَ | menjadi | أُسْتُـجِـيْـبَ // ‘*ustujība* // |

Kata kerja pasif bagi kod JK 3 pula adalah dengan *menḍammahkan* huruf pertama . Perbezaan wazan adalah فُـلَّ < *fulla* > seperti شُـدَّ // *shudda* //, مُـدَّ // *mudda* //, رُدَّ // *rudda* // **(** Sharifuddin ‘Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 40 ).

Berikut adalah rumusan wazan yang boleh menjelaskan dengan terperinci bentuk persamaan dan perbezaan bagi tiap-tiap wazan kata kerja pasif kala lepas berdasarkan aras perubahan kod JK .

Jadual 4.42 : Rumusan wazan kata kerja pasif kala lepas

| Kod Wazan | Wazn asal | JK 1 | JK 2 | JK 3 | JK 4 | JK 5 | JK 6 | JK 7 | JK 8 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| W 1-6 | فُـعِـلَ | √ | √ | فُـلَّ | √ | فِيْـل | √ | فِيْـل | √ |
| W 7 | أفـعِـل | √ | √ | √ | √ | أفِيْـلَ | √ | أفِيْـلَ | √ |
| W 8 | فُـعِّـلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 9 | فُـوْعِـلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 10 | أنْفُـعِـلَ | √ | √ | √ | √ | اُنْفِـيْـلَ | √ | اُنْفِـيْـلَ | √ |
| W 11 | اُفْـتُـعِـلَ | √ | √ | √ | √ | اُفْتِـيْـلَ | √ | اُفْتِـيْـلَ | √ |
| W 12 | تُـفُـعِّـلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 13 | تُـفُـوْعِـلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 14 | x | x | x | x | x | X | x | x | X |
| W 15 | أسْـتُـفْـعِـلَ | √ | √ | √ | √ | اُسْتُفِـيْـلَ | √ | اُسْتُفِـيْـلَ | √ |
| W 16 | اُفْـعُـوْعِـلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 17 | x | x | x | x | x | X | x | x | X |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| W 18 | x | x | x | x | x | X | x | x | X |
| W 19 | فُعْلِلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 20 | تُفُعْلِلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 21 | اُفْعُنْلِلَ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 22 | اُفْعُلِلَّ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |

4.3.2.2 **Kaedah Pembentukan Kata kerja Pasif Bagi Kala Kini**

Jadual 4.43 : Pembentukan kata kerja pasif kala kini

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 3 | **2** | أ |
| | | 4 | **3** | 2 | ن |
| | 5 | **4** | 3 | 2 | ي |
| 6 | **5** | 4 | 3 | 2 | ت |

Huruf *hamzah* ( أ), *nūn* (ن ), *ya'* ( ي) dan *ta'* (ت ) dalam jadual 4.43 di atas mewakili huruf *mudhari'* dan angka 2,3,4,5 yang bergaris dibawah pula mewakili huruf kedua sebelum akhir . Huruf *muḍāri*' ditandakan dengan harakah *ḍammah* manakala huruf kedua sebelum akhir ditandakan dengan harakah *fatḥah* ( Muḥammad 'Abdul Khālid 'Uḍaīmat 1962 : 73 dan 'Abdul Qāhir al-Jurjāniy , t.t : 57 ). Contoh-contoh kata kerja pasif kala kini adalah seperti berikut :

| | Kata kerja Aktif | | Kata kerja Pasif |
|---|---|---|---|
| i | يَقُوْلُ | menjadi | يُقَالُ // *yuqālu* // |
| ii | تُعْطِيْ | menjadi | تُعْطَى // *yu'ṭī* // |
| iii | يَخْتَارُ | menjadi | يُخْتَارُ // *yukhtāru* // |
| iv | يَتَعَلَّمُ | menjadi | يُتَعَلَّمُ // *yuta'allamu* // |
| v | يَسْتَجِيْبُ | menjadi | يُسْتَجَابُ // *yustajābu* // |

Jadual 4.44 berikut adalah rumusan wazan yang boleh memperincikan bentuk persamaan dan perbezaan bagi tiap-tiap wazan kata kerja pasif kala kini berdasarkan aras perubahan kod JK .

Jadual 4.44 : Rumusan wazan kata kerja pasif kala kini

| Kod Wazan | Wazan asal | JK 1 | JK 2 | JK 3 | JK 4 | JK 5 | JK 6 | JK 7 | JK 8 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| W 1-6 | يُفْعَلُ | √ | √ | يُفَلُّ | √ | يُفَالُ | √ | يُفَالُ | √ |
| W 7 | يُفْعَلُ | √ | √ | √ | √ | يُفَالُ | √ | يُفَالُ | √ |
| W 8 | يُفَعَّلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 9 | يُفَاعَلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 10 | يُنْفَعَلُ | √ | √ | √ | √ | يُنْفَالُ | √ | يُنْفَالُ | √ |
| W 11 | يُفْتُعَلَ | √ | √ | √ | √ | يُفْتُالَ | √ | يُفْتُالَ | √ |
| W 12 | يُتَفَعَّلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 13 | يُتَفَاعَلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 14 | x | X | x | x | x | x | x | x | X |
| W 15 | يُسْتَفْعَلُ | √ | √ | √ | √ | يُسْتَفْالُ | √ | يُسْتَفْالُ | √ |
| W 16 | يُفْعَوْعَلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 17 | x | X | x | x | x | x | x | x | X |
| W 18 | x | X | x | x | x | x | x | x | X |
| W 19 | يُفْعْلَلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 20 | يُتُفْعْلَلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 21 | يُفْعَنْلَلُ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| W 22 | يُفْعَلِلُّ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |

### 4.3.3 Fungsi Kata kerja Aktif

Kata kerja aktif adalah kata kerja yang berfungsi pada perbuatan dalam ayat yang berstruktur *Perbuatan - Pelaku- ( Objek )*. Kata kerja bentuk ini terdiri daripada *muta'ddi* dan *lāzim* . Konsep setiap kata kerja adalah dipakai untuk menunjukkan "berlaku " sesuatu peristiwa atau tindakan " pada masa tertentu". Jika " pelaku " dalam konsep kata kerja ini hadir bersama-sama selepas kata kerja samada dalam bentuk kata nama atau kata sifat atau *ḍamīr* maka ia dipanggail kata kerja aktif .

Dengan kata lain , unsur pelaku merupakan *penanda* penting bagi membezakan kata kerja aktif dengan kata kerja pasif ( Sharifuddin 'Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 38 ). Bentuk pola kata kerja aktif adalah pola asal bagi semua jenis kata kerja tanpa perlu membuat perubahan pada struktur kata dan wazannya. Fungsi kata kerja aktif kebiasaannya dipakai untuk menyatakan sesuatu perbuatan atau tindakan itu berlaku dan dalam masa yang sama untuk memberitahu "pelaku" atau "pembuat" perbuatan tersebut . Contoh kata kerja aktif dapat dilihat dalam ayat berikut :

1. قَرَأَ مُحَمَّدٌ القُرْآنَ ( *Muhammad telah membaca al-Quran* )
2. أَرْسَلَت أَخْتِي الرِّسَالَةَ ( *Saudara saya telah mengutus surat* )
3. أَكَلَ عَلِيٌّ التفَّاح ( *Ali telah memakan buah epal* )
4. أغلَقَ زَيْدٌ البَابَ ( *Zaid telah menutup pintu* )

Contoh-contoh kata kerja <u>قَرَأَ</u> dalam ayat (1 ), <u>أَرْسَلَت</u> dalam ayat ( 2 ) , <u>أَكَلَ</u> dalam ayat ( 3 ) dan <u>أغلَقَ</u> dalam ayat ( 4 ) ialah bentuk-bentuk kata kerja aktif .

### 4.3.4 Fungsi Kata kerja Pasif

Kata kerja pasif pula adalah kata kerja yang berfungsi pada perbuatan dalam struktur ayat *Perbuatan –Objek* atau *Objek –Perbuatan* . Kata kerja pasif ini adalah kata kerja yang digugurkan "pelaku" sesuatu perbuatan. Pola kata kerja pasif berbeza dengan pola kata kerja aktif kerana pewujudan polanya memerlukan kepada sedikit perubahan pada bentuk struktur dan wazannya apabila dipakai dalam struktur ayat berkenaan ( Sharifuddin 'Aliy al-Rājiḥiy , t.t : 38 ) seperti contoh berikut :

1. <u>قُرِئَ</u> الكِتَابُ (*buku itu telah <u>dibaca</u>*)
2. <u>أُرْسِلَتْ</u> الرِّسَالةُ ( *Surat itu telah* dihantar)
3. <u>أُكِلَ</u> التُفَّاحُ ( *Buah epal itu telah* dimakan)
4. <u>غُلِقَ</u> بَابُ المَسْجِدِ ( *Pintu masjid itu telah* ditutup)

Contoh-contoh kata kerja قُرِئَ dalam ayat (1 ), أُرْسِلتْ dalam ayat ( 2 ) , أُكِلَ dalam ayat ( 3 ) dan غُلِقَ dalam ayat ( 4 ) ialah bentuk-bentuk kata kerja pasif . Bentuk-bentuk kata kerja pasif ini diperoleh dengan menukarkan ayat berbentuk aktif menjadi ayat berbentuk pasif .

Contoh-contoh perbezaan kata kerja aktif dan kata kerja pasif adalah seperti jadual berikut :

Jadual 4.45 : Perbezaan kata kerja aktif dan kata kerja pasif

| Kata kerja Aktif<br>( Ayat Aktif ) | Kata kerja Pasif<br>( Ayat Pasif ) |
|---|---|
| قَــرَ أ ( *membaca* )<br>أَرْسَـلَتْ ( *menghantar* )<br>أَكَلَ ( *makan* )<br>غَـلَقَ ( *menutup* ) | قُــرِئَ ( *dibaca* )<br>أُرْ سِـــلَتْ ( *dihantar* )<br>أُ كِـــلَ ( *dimakan* )<br>غُـــلِـقَ ( *ditutup* ) |

Kata kerja pasif ini sebenarnya berfungsi untuk menyatakan berlakunya sesuatu perbuatan , tetapi dalam masa yang sama tidak ingin menyebut “pembuat” atau “pelaku” kepada perbuatan tersebut . Unsur “pembuat” atau “pelaku” digugurkan dalam ayat yang didukung oleh kata kerja pasif kerana memenuhi kehendak konteks ayat berkenaan berdasarkan sebab-sebab tertentu . Antaranya ialah :-

i. Keadaan “pembuat” atau “pelaku” sudah nyata dan jelas di kalangan pendengar

ii. Mengelak kesan buruk berlaku ke atas “pembuat” atau “pelaku” .

iii. Kebimbangan penutur mengenai kesan buruk yang akan menimpanya

iv. Ketidakpastian mengenai “pembuat” atau “pelaku” .

Contoh-contoh yang ditunjukan di bawah dapat memberi penjelasan secara terperinci sebab-sebab di atas : -

1. خُـلِقَ الإنْـسَانُ ضَـعِيْفًـا ( *dijadikan manusia lemah* )

2. سُـرِقَ الـمَـتَـاعُ ( *barang tersebut telah dicuri* )

3. أُكِـلَ الأرُزُّ ( *nasi tersebut telah dimakan* )

4. يُـسْمَـعُ صَـوْتُ الاذان مِـنْ بَـعِيْدٍ ( *suara azan telah didengari dari jauh* )

Contoh-contoh ayat ( 1-4 ) di atas menunjukkan bahawa unsur “ pelaku ” bagi kesemua kata kerja pasif yang bergaris di bawah telah digugurkan . Pengguguran pelaku dalam contoh ( 1) amat sesuai dan memenuhi kehendak konteks ayat , kerana pelaku yang hakiki iaitu “ Allah Ta‘ala ”sudah nyata dan jelas di kalangan pendengar. Tambahan pula konteks ayat tersebut bukan bertujuan memperkenalkan “pelaku” sebaliknya ingin menyatakan keadaan kejadiaan manusia itu bersifat lemah . Sekiranya unsur pelaku ditimbulkan akan berlaku penggulangan suatu yang sudah nyata dan jelas menyebabkan pendengar menjadi jemu dan bosan .

Dalam contoh ( 2 dan 3) pula pengguguran pelaku dilihat mempunyai beberapa sebab. Antaranya bertujuan mengelak kemungkinan kesan buruk yang akan menimpa "pelaku" akibat perasan marah yang mungkin dialami oleh pemilik barang tersebut. Atau wujud kebimbangan penutur mengenai kesan buruk yang mungkin menimpanya akibat daripada kemarahan pelaku. Atau penutur mungkin tidak mengetahui siapakah " pelaku " sebenar bagi perbuatan tersebut .

Dalam contoh (4 ) pengguguran pelaku disebabkan unsur pelaku iaitu " manusia " tidak penting kerana konteks ayat tersebut bertujuan menyatakan suara azan telah didengari dari jauh itu bukannya memperkenalkan pelakunya .

Selain itu, terdapat banyak lagi makna –makna yang tersirat daripada pengguguran unsur pelaku yang hanya boleh dikenalpasti melalui konteks ayat .

## 4.4 PENUTUP

Bab ini menganalisis pembentukan kata kerja dalam bahasa Arab secara khusus . Proses –proses pembentukan kata kerja dibahagikan kepada pembentukkan kata kerja *mujarrad* dan subggolongannya serta kata kerja *mazīd* dan subggolongannya . Dalam bab ini setiap kata kerja telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu kata kerja *ṣaḥīḥ* dan kata kerja *mu‘tal* . Tiap-tiap satunya mempunyai subsistem- subsitem yang lebih kecil mengikut jenis huruf dalam susunan katanya ( digunakan dalam bab ini sebagai " kod JK ") . Penggunaan kaedah " kod " sebagai lambang kepada jenis kata kerja ini amat penting bagi mengenalpasti kategori kata kerja sebelum memulakan proses pembentukan kata kerja .

Hasil kajian mendapati bahawa proses pembentukan kata kerja dalam kategori *mu‘tal* adalah lebih rumit dan sukar berbanding kata kerja dalam kategori *ṣaḥīḥ* . Pelbagai perubahan morfologi dan fonologi seperti pengguguran , pengimbuhan , pengalihan, penukaran, penyerapan dan penyuraian telah berlaku dalam pembentukan kata kerja *mu‘tal* menyebebkan wujud perbezaan yang ketara antara wazan teras dengan kata *al- mawzūn* .

Dalam bab ini , kaedah *samā‘iy* ( سَمَاعِيّ ) dan kaedah *qiyāsiy* ( قِيَاسِيّ ) telah digunakan untuk menganalisa proses pembentukan kata kerja . Kedua-dua kaedah tersebut telah digunakan bagi menentukan keṣaḥīḥan suatu kata kerja yang dibentuk. Analisis yang dijalankan terhadap kata kerja *mujarrad* dan kata kerja *mazīd* adalah berdasar kepada sistem kala mengikut pembahagian kod wazan dan kod JK .

Di samping itu , kata kerja *mazīd* pula dibahagikan mengikut jumlah huruf imbuhan yang hadir dalam kata dasar bagi mengelak kemungkinan berlaku kekeliruan semasa proses pembentukan kata . Wazan kata kerja *mazīd* yang ditonjolkan dalam bab ini adalah kebanyakannya wazan popular dan produktif serta mempunyai kekerapan yang tinggi seperti أَفْـعَـلَ < *'af'ala* > , فَـعَّـلَ < *fa''ala* >, فَـاعَـلَ < *fā'ala* > , تَفَاعَلَ < *tafā'ala* >, اِنْفَعَلَ < *ifta'ala* >, اِفْتَعَلَ < *infa'ala* > , تَفَعَّلَ < *tafa''ala* > dan اِسْتَفْعَلَ < *istaf'ala* > . Sementara wazan yang tidak popular dan mempunyai kekerapan yang rendah disebut secara sepintas lalu, seperti اِفْـعَـلَّ < *if'ālla* > , اِفْـعَـوْعَـلَ < *if'aw'ala* > , اِفْـعَـوَّلَ < *if'awwala* >, اِفْـعَـالَّ < *if'a'ālla* > bagi kategori kata kerja *thulāthiy mazīd* dan اِفْـعَـنْـلَـلَ < *if'anlala* > , اِفْعَلَلَّ < *if'alilla* > bagi kategori kata kerja *rubā'iy mazīd* .

Para ulamak bahasa sepakat mengatakan bahawa kesemua kata kerja bagi kategori *thulāthiy mujarrad* adalah *samā'iy* dan kata kerja bagi kategori *thulāthiy mazīd* , *rubā'iy mujarrad* dan *rubā'iy mazīd* adalah *qiyāsiy* . Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan kata kerja bagi kategori *thulāthiy mujarrad* dan subggolongannya adalah lebih sukar untuk dianalogi menggunakan kaedah *al-mīzān al-ṣarfiy* berbanding kata kerja *mazīd* dan *rubā'iy mujarrad* .

Kata kerja pasif adalah subgolongan kata kerja aktif dan boleh melibatkan kata kerja *mujarrad* dan kata kerja *mazīd* . Proses morfologi dan fonologi yang berlaku pada kerja aktif turut juga berlaku pada kata kerja pasif. Namun kedua-duanya mempunyai perbezaan pada wazan dan sturktur kata disebabkan perbezaan pada makna yang didukong oleh kedua-duanya . Hasil kajian mendapati kata kerja aktif terdiri daripada kala lepas , kala kini dan kata kerja perintah , manakala kata kerja pasif pula hanya melibatkan kala lepas dan kala kini sahaja . Kata kerja pasif berfungsi menyatakan berlakunya sesuatu perbuatan , tetapi dalam masa yang sama tidak ingin menyebut " pelaku " kepada perbuatan tersebut atas sebab semantik . Justeru, unsur pelaku merupakan *penanda* penting bagi membezakan kata kerja aktif dengan kata kerja pasif . Oleh itu , hasil kajian mendapati bahawa kata kerja pasif daripada *muta'addi* mempunyai kekerapan yang tinggi berbanding *lāzim* . Ini kerana menurut tatabahasa Arab, setiap pengguguran " pelaku " mesti disertakan dengan penggantinya yang sesuai iaitu objek .

Aspek-aspek morfofonologi yang melibatkan pelbagai perubahan pada struktur kata seperti pengguguran , pengimbuhan , pengalihan , penukaran , penyerapan dan penyuraian turut dianalisis. Setiap variasi-variasi dan alomorf baru yang timbul akibat proses morfofonologi tersebut turut dinyatakan dan segala perubahan yang berlaku pada wazan dinyatakan sebab-sebabnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perselisihan ulamak dalam menentukan sebab-sebab perubahan morfofonologi pada struktur kata lebih bersifat falsafah yang rumit. Selain itu wazan *'aṣliy* yang menjadi kayu pengukur kepada suatu kata kerja turut mengalami

perubahan yang ketara sehingga sukar untuk dikenalpasti . Oleh itu, mengenalpasti wazan *'aṣliy* bagi kata tersebut boleh membantu merujuk kepada kata dasarnya .

Mengikut tradisi dalam kajian morfologi Arab, kata kerja kala lepas merupakan sumber kepada segala kata kerja kala kini dan kata kerja perintah . Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukkn kata kerja kala kini dan kata kerja perintah bagi kategori *thulāthiy mujarrad* tertakluk kepada keṣaḥīḥan kata kerja kala lepas . Sekiranya berlaku kesilapan pada kata kerja kala lepas , kesilapan juga turut melibatkan pada kata kerja kala kini dan kata kerja perintah. Sebaliknya pembentukan kata kerja *mazīd* bagi kata kerja kala kini dan kata kerja perintah tidak tertakluk kepada kata kerja kala lepas kerana ketiga-tiga jenis kala tersebut menpunyai wazan-wazan *qiyāsiy* yang tersendiri .